


Jilid IV
Bil. 12



Hari Khamis
2hb Mei, 1974

4 MALAYSIA

PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Session

KANDUNGANNYA

PEMASYHURAN YANG DI-PERTUA:

Titah Jawapan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kepada
Ucapan Terima Kasih [Ruangan 1371]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 1372]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah (Pindaan) [Ruangan 1408]

Rang Undang-undang (Perbadanan) Instituti Negara bagi Penyelidikan Sains dan
Perusahaan (Pindaan) [Ruangan 1436]

Rang Undang-undang Pemegang Amanah Raya (Pindaan) [Ruangan 1444]

Rang Undang-undang Senjatapi (Penalti Lebih Berat) (Pindaan) [Ruangan 1454]

DICETAK OLEH
MOHD. DAUD BIN ABDUL RAHMAN, J.S.M., KETUA PENGARAH PERCETAKAN
SEMANJUNG MALAYSIA, KUALA LUMPUR
1974

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KEEMPAT

Hari Khamis, 2hb Mei, 1974

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.P., J.P. Datuk Bendahara Perak.
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J. (Pontian Utara).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Kelang).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Penyelarasan Kampung-kampung Baru, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian Selatan).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Tugas-tugas Khas, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Segamat Utara).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Johor Bahru Barat).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kemajuan Tanah, TUAN MOHAMED BIN UJANG, K.M.N., P.J.K. (Jejebu-Jempol).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pembangunan Ekonomi Desa, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).

Yang Berhormat Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K. (Ulu Kelantan).

NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).

„ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SBRI (Johor Timur).

„ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).

„ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).

„ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).

„ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).

„ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).

„ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).

„ DATUK PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.N.B.S., P.B.S. (Julau).

TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).

„ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).

„ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).

„ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).

„ TUAN CHAN YOON ONN, A.M.P. (Ulu Kinta).

„ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timur).

„ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).

TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).

„ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).

„ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang-Lupar).

TUAN FAN YEW TENG (Kampar).

„ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).

„ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).

„ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).

TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).

TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).

„ TUAN JAWAN ANAK EMPALIENG (Rejang).

„ DATUK KHOO PENG LOONG, P.N.B.S. (Bandar Sibul).

„ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).

„ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).

TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah)

„ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).

TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).

„ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).

„ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).

„ DATUK DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).

Yang Berhormat TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).

- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- „ TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).
- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, S.M.S., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN, A.M.P. (Ipoh).
- „ TUAN SEAH TENG NGAIB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datok).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
- „ DATUK TAJUDIN BIN ALI, D.P.M.P., P.J.K. (Larut Utara).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIDAK HADIR :

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Kewangan,
TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).

- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian,
DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru Timur).

Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungei Siput).

- „ Menteri Tak Berpotfolio, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M., P.N.B.S. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pembangunan Ekonomi Desa, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ Menteri Pertahanan, DATUK HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Penerangan dan Menteri Tugas-tugas Khas, Y. M. TENGGU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGGU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Rembau-Tampin).
- „ DATUK DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ DATUK HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'ID, J.P. (Seberang Utara).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk-Sugut).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., J.S.M., A.M.N., J.P. (Sungei Patani).
- „ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- „ TUAN CHEN KO MING, A.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- „ TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).

Yang Berhormat TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).

- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Sandakan).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ DATUK PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ DATUK SRI S. P. SEENIVASAGAM, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.D.K. (Kuala Kedah).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- „ DATUK JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).

YANG HADIR BERSAMA:

- „ Yang Berhormat Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., P.J.K. (Dilantik).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN WONG SENG CHOW, A.M.N., J.P. (Dilantik).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

saha Dewan Rakyat, Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

alan Setiausaha, Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

ong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

jemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI

nting, Yahya Manap.

ong Penyunting, P. B. Menon.

ong Penyunting, Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suher bin Husin.

Ng Cheng Kuai.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yoöi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

BENTARA MESYUARAT

Mejar Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusi-*
kan Mesyuarat)

PEMASYHURAN YANG DI-PERTUA

TITAH JAWAPAN D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI- PERTUAN AGONG KEPADA UCAPAN TERIMA KASIH

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya hendak memberitahu Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu saya telah menerima satu keputusan daripada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, menyatakan terima kasih Baginda kepada kita Ahli-ahli Majlis Dewan Rakyat kerana membuat ketetapan Menjunjung Kasih kepada Kebawah Duli atas Titah Ucapan Baginda pada masa membuka Penggal Keempat, Parlimen Yang Ketiga baru-baru ini.

Sekarang saya bacakan warkah Duli Tuanku itu.

“Istana Negara.

QAULUHUL-HAK,

Warkatulikhlis walmuhibbah iaitu daripada Beta Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Al-Marhum Sultan Badli Shah, Yang di-Pertuan Agong Malaysia.

Mudah-mudahan barang diwasalkan oleh Tuhan Rabulalamin ke Majlis Yang Berhormat Tan Sri Datuk Chik Mohamed Yusof bin Sheikh Abdul Rahman, Yang di-Pertua Dewan Rakyat Malaysia, yang ada beristerihatulkhair pada masa ini di Bandaraya Kuala Lumpur, dengan beberapa selamat dan kesejahteraan.

Adapun kemudian daripada itu Beta maklumkan bahawa surat Tan Sri bertarikh 23hb April, 1974, kerana menyampaikan ketetapan Ucapan Terima Kasih Majlis Dewan Rakyat Malaysia kerana Titah Ucapan Beta pada masa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Ketiga yang lalu itu telah Beta terima dengan selamatnya. Beta adalah

mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih jua. Beta minta kelapangan Tan Sri apalah kiranya Tan Sri menyampaikan terima kasih Beta kepada sekalian Ahli-ahli Majlis Dewan Rakyat Malaysia kerana membuat ketetapan tersebut, dan jua di atas perasaan yang tulus ikhlas yang telah ditunjukkan kepada Beta itu akan dikandungkan di dalam ingatan Beta selama-lamanya.

Sekianlah sahaja Beta maklumkan serta diiringi dengan salam jua adanya.

Termaktub pada 28hb April, 1974.”

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

DUTI IMPOT KE ATAS RACUN SERANGGA/CENDAWAN

1. Tuan Ng Hoe Hun minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) samada impot “pesticides”, “insecticides” dan “fungicide” ke Malaysia dikenakan Cukai Kastam;
- (b) samada “fungicide” keluaran tempatan dikenakan Cukai Eksais; dan
- (c) mengapakah Cukai Jualan dikenakan ke atas “fungicide” dan “insecticides”.

Timbalan Menteri Kewangan (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Racun-racun serangga dan cendawan dikenakan duti impot dan juga cukai tokok sebanyak 4%.
- (b) Racun-racun cendawan yang diperkilang di negeri ini tidak dikenakan cukai eksais.
- (c) Cukai Jualan dikenakan atas kimia-kimia ini untuk menambahkan hasil negara.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menjawab berkenaan dengan ubat cendawan (fungicide) tidak dikenakan cukai, tetapi jika dilihat dalam buku Trade Classification and Customs Tariff ada mengatakan bahawa ubat ini dikenakan cukai 5%, saya tidak mengerti dan saya minta Yang Berhormat memberi penjelasan.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat itu terangkan soalan itu semula?

Tuan Ng Hoe Hun: Dalam buku Trade Classification and Customs Tariff yang digunakan oleh syarikat-syarikat perniagaan ada mengatakan ubat cendawan (fungicide) dikenakan cukai 5%, tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan tadi tidak dikenakan cukai, saya tidak mengerti dan saya minta penjelasan.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, adakah fungicides yang diimport ataupun yang dikeluarkan dalam negeri ini?

Tuan Ng Hoe Hun: Fungicide yang diimport dan yang dibuat di dalam negeri inipun dikenakan cukai.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya telah jawab tadi.

Tuan Ng Hoe Hun: Saya tidak berapa dengar tadi. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan "pesticides" pun tidak dikenakan cukai?

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kalau Yang Berhormat itu bertanya atas soalan ini, pertamanya adakah beliau itu mempunyai interest di dalam perkara ini? Kita sedia maklum bahawa beliau juga seorang yang mempunyai ladang, jadi kalau ada self-interest semacam itu, baiklah dikemukakan dahulu kepada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ng Hoe Hun: Saya tidak berapa dengar, dengan sebab itu saya minta penjelasan. Ada tiga masalah di sini, iaitu pesticides, insecticides dan fungicide, adakah semuanya ini cides?

Tuan Yang di-Pertua: Katalah semuanya itu cides.

Tuan Ng Hoe Hun: Saya tahu dan saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah ubat ini semua tidak dikenakan cukai atau dikenakan cukai?

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya telah jawab tadi tetapi untuk menjelaskan balik, saya mohon untuk membacakan jawapan ini semula:

(a) Racun-racun serangga dan cendawan dikenakan duti import dan juga cukai tokok sebanyak 4%.

(b) Racun-racun cendawan yang diperkilang di negeri ini tidak dikenakan cukai eksais.

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya telah faham. Sebenarnya tadi ada sedikit kelam-kabut, kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri menggunakan Bahasa Malaysia dan Trade Classification digunakan dalam bahasa Inggeris. Sekarang saya sudah faham. Di dalam buku tersebut ada mengatakan bahawa pesticides are essential to the commodities group. Minta maaf, kerana saya menggunakan perkataan ini dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua: Mana buku itu?

Tuan Ng Hoe Hun: Buku itu ada di tangan Menteri yang berkenaan, Tuan Yang di-Pertua (*Ketawa*). Dan dalam buku itu ada dinyatakan bahawa pesticides are under essential commodity group dan tidak kena bayar surcharge atau tax. Apakah sebabnya ubat-ubat serangga iaitu insecticides dan fungicide ini kena bayar, dalam buku itu ada dinyatakan bahawa pesticides tidak payah kena bayar, dan Tuan Yang di-Pertua pun tahu insecticides and fungicides are pesticides.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak tahu!

Tuan Ng Hoe Hun: Saya tahu, Tuan Yang di-Pertua tahu (*Ketawa*) tetapi Menteri tidak tahu. Apakah sebabnya insecticides dan fungicides yang termasuk dalam group pesticides dikenakan bayar cukai, tetapi dalam Buku Merah itu menyatakan pesticides tidak kena cukai.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, kalau buku sudah salah bagaimanakah menyatakan yang itu dibuatnya benar?

KADAR INFLASI

2. **Tuan V. David** minta Menteri Kewangan:

- (a) menyatakan peraturan inflasi mulai 1hb Jun, 1973 hingga 31hb Mac, 1974; dan
- (b) berapa peratuskah inflasi yang dibawa masuk ke dalam negeri ini dan nyatakan inflasi yang berpunca dari dalam yang dilakukan oleh penipu-penipu, mereka yang mengambil keuntungan berlebihan, mereka yang membuat keuntungan dari sorok, dan mereka yang melakukan pasar gelap.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua,

(a) Data terakhir yang terdapat bagi angka tunjuk harga barang-barang pengguna ialah untuk bulan Februari, 1974. Kadar inflasi adalah berkaitan dengan angka tunjuk harga barang-barang pengguna bulanan, yang telah meningkat sebanyak 10.7% daripada 1hb Jun, 1973 hingga akhir bulan Disember 1973, walaupun kadar purata kenaikan bagi keseluruhan tahun 1973 adalah 10.5%. Walau bagaimanapun, kadar kenaikan ke atas angka tunjuk harga barang-barang pengguna bagi bulan Januari hingga bulan Mac tahun ini adalah dianggarkan sebanyak 5.3%.

(b) Kadar inflasi yang dibawa masuk adalah dibayangkan di dalam angka tunjuk harga impot Malaysia yang meningkat sebanyak kira-kira 26% pada akhir tahun 1973. Pada masa yang sama, bahagian (proportion) impot di dalam Keluaran Negara Kadar (K.N.K.) adalah 47% di dalam tahun 1973. Dengan itu adalah jelas bahawa sebahagian besar inflasi yang terdapat sekarang ini adalah berpunca dari sektor luar negeri.

Berkenaan dengan soalan, sejauh mana inflasi yang disebutkan oleh mereka yang bertanggungjawab mengenainya di dalam negeri sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, ini tidaklah dapat ditentukan banyaknya walaupun dipersetujui bahawa mereka ini memang menyumbang kepada kenaikan harga.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telahpun mengambil langkah-langkah yang tegas untuk mencegah inflasi. Banyak lagi tindakan-tindakan akan diambil sekiranya keadaan memerlukannya.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Soalan tambahan. Oleh kerana dalam jawapan tadi menyatakan sedikit-sebanyak inflasi ini berpunca juga dari dalam negeri yang dilakukan oleh penipu-penipu, adakah boleh kita iktirafkan bahawa penipu-penipu itu gabungan ahli-ahli perniagaan yang kurang sihat dengan pengganas-pengganas komunis di dalam hutan?

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menyebut perkataan "penipu" itu, dan kalau pun perkataan itu

digunakan ialah oleh pihak yang bertanya. Saya tidak menggunakannya.

Tuan T. S. Gabriel: Tuan Yang di-Pertua, apakah kesan-kesannya akibat inflasi ke atas rancangan-rancangan pembangunan negara kita pada masa sekarang?

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain.

PERNAS—PAMIRAN PERDAGANGAN DI CANTON

3. Tuan Hor Cheok Foon minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menerangkan sebab-sebab beliau membenarkan PERNAS mengawal penjaga-penjaga yang ingin pergi ke "Spring Trade Fair" di Canton, Negeri China.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua, PERNAS tidak mengawal peniaga-peniaga yang ingin menyertai Pamiran Perdagangan di Canton. PERNAS hanya memproses segala permohonan yang dibuat oleh ahli-ahli perniagaan yang ingin menyertai pamiran perdagangan ini. Permohonan-permohonan itu dikemukakan kepada satu Jawatankuasa Pemilih yang menentukan calon-calon yang layak untuk mengikuti pamiran Perdagangan ini. Jawatankuasa Pemilih ini adalah terdiri daripada wakil-wakil dari Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Luar Negeri, Jabatan Imigresen dan PERNAS Trading Sendirian Berhad.

Tuan Hor Cheok Foon: Tuan Yang di-Pertua, apakah maksud agensi-agensi Kerajaan akan memonopoli perniagaan-perniagaan di antara Negeri China dengan Negeri kita dan jika ya, mengapa?

Datuk Musa Hitam: Soal itu terpesong sedikit. Sungguhpun begitu, saya sukalah meminta Ahli Yang Berhormat ini mengkaji samada ada atau tidak sesuatu institusi termasuk PERNAS memonopolikan perdagangan terutama sekali dengan Negeri China. Jawabnya, "tidak". Tolong kaji dahulu sebelum bertanya.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan

adakah beliau tahu iaitu banyak peniaga-peniaga kita daripada negeri k.t.a ini pergi ke Trade Fair di Canton dengan tidak diketahui oleh Kerajaan sendiri ataupun tidak melalui PERNAS. Berapa banyakkah yang ada di Canton dan apakah tindakan Kerajaan terhadap mereka yang pergi ke sana dengan cara haram ini?

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu, kalau Yang Berhormat tahu, silalah beritahu.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya memberitahu di atas perkara ini dua tahun yang lalu. Apakah tindakan Kerajaan terhadap perkara ini?

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, minta maaf, kadang-kadang Ahli-ahli Yang Berhormat apabila mengatakan ada memberitahu dengan cara samada nama orang itu dengan detailnya dan sebagainya, tetapi oleh sebab perkara ini dikatakan satu dua tahun dahulu, maka minta maaf, saya terpaksa minta notis supaya saya siasat dahulu samada penerangan yang telah diberikan itu betul-betul cukup dengan butir-butirnya untuk disiasat. Tetapi kalau, misalnya, out-of date susah sedikit. Kalau ada data-data baru tolonglah sampaikan ke pengetahuan kami.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini saya telah beritahu di waktu persidangan dua tahun yang lalu. Pada masa itu Timbalan Menteri itu belum ada lagi di sini barangkali. Itu adalah untuk penerangan beliau.

SYARIKAT GARAM MALAYSIA

4. Tuan Ng Hoe Hun minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) adakah Syarikat Garam Malaysia masih mengeluarkan garam pada masa sekarang;
- (b) bilakah quota mengimpot garam akan dihapuskan;
- (c) banyaknya tan garam digunakan dalam negara ini dalam tahun 1973; dan
- (d) mengapakah garam diberi berbagai nombor kod dan berikan bilangan nombor kod itu.

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Syarikat Garam Malaysia telah mem-

buat sementara disebabkan oleh kesulitan teknik dan sehingga mendapat satu penyelesaian ke atas masalah-masalah yang dihadapi olehnya sekarang.

- (b) Sungguhpun begitu satu lagi syarikat garam telah ditubuh iaitu Syarikat Garam Trengganu yang akan mula pengeluarannya dalam bulan September, 1974. Oleh yang demikian, quota untuk garam terpaksa diteruskan untuk menyekat pengimpotan yang berlebihan yang akan menjejaskan kedudukan syarikat-syarikat garam yang ada dan yang baru itu.

- (c) Anggaran penggunaan garam di negara ini ialah sebanyak 120,000 tan setahun.

- (d) Garam dibahagikan kepada tiga jenis kod nombor kerana ada tiga jenis garam yang besar mengikut perjenisannya Kastam. Untuk membezakan jenis-jenis itu kod-kod seperti berikut diadakan:

25.01 100 Table salt, pure sodium chloride.

25.01 200 Rock Salt and Salt liquors.

25.01 900 Other Salt.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Soalan tambahan. Oleh kerana Syarikat Garam Trengganu Berhad akan mengeluarkan garam pada bulan September, 1974 ini dan kita berkehendakkan kepada garam sebanyak 120,000 tan setahun bagi tahun 1973 mengikut keterangan Yang Berhormat Timbalan Menteri baru sekejap tadi. Dari Syarikat Garam Trengganu Sendirian Berhad yang akan mengeluarkan garam pada bulan September nanti berapa banyak Syarikat ini boleh menampung 1/3, 1/2, 2/3 atau 100% daripada keperluan?

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, saya perlukan notis oleh sebab ini berkehendakkan angka-angka yang tepat.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Saya hendak bertanya soal quota mengimpot garam. Pada masa dahulu apabila Syarikat Garam Malaysia ditubuhkan, Kerajaan Malaysia telah membuat satu undang-undang melindungi Syarikat ini dan sekarang Syarikat Garam Malaysia tidak mengeluarkan garam. Apa sebabnya quota ini ada

lagi? Jikalau dihapuskan quota ini harga garam di Malaysia boleh turun. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menimbangkan cadangan saya menghapuskan quota garam?

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, Syarikat Garam Malaysia telah memberhentikan pengeluaran garamnya buat sementara, bukan selama-lamanya. Jadi untuk sementara dia membetulkan keadaannya, kesulitan-kesulitan seperti teknik, pengurusan dan sebagainya terpaksa quota ini dikenakan dan diberi kepada mereka yang berkehendakkan garam mengikut kehendak dalam negeri. Oleh sebab ini sementara, tidaklah boleh dilepaskan quota ini, kalau dilepaskan sekarang protection atau perlindungan yang telah diberikan itu tidak akan memberi makna langsung kepada apa-apa jua kejayaan syarikat ini apabila syarikat ini dapat mengeluarkan garam semula.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebutkan kod-kod garam tiga iaitu Table Salt, pure sodium chloride, Rock Salt and Salt liquors. Jikalau Kerajaan tidak akan mengutip cukai daripada garam ini apa guna ada classification ini?

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, ini tidak ada hubungan dengan tax. Kod-kod dikenakan oleh pihak Kastam untuk mengenal, kadang-kadang difikirkan harus dikenakan, kadang-kadang difikirkan tidak harus dikenakan. Kod-kod ini ialah cuma classification dari segi pengenalan bukan hanya untuk cukai sahaja.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. PERNAS ada mengambil bahagian dalam Syarikat Garam Malaysia ini. Tujuan Kerajaan adalah untuk menolong bumiputra di dalam bidang perusahaan. Dengan sebab itu Syarikat Garam Malaysia ini adalah berganding dengan PERNAS untuk membuat garam. Adakah kerana kegagalan Syarikat Garam Malaysia dan PERNAS ini disebabkan oleh kerana banyaknya syarikat-syarikat yang lain memasukkan garam dalam negeri ini dan membuat garam-garam tepung dan menghancurkan Syarikat Garam Malaysia ini?

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi pengimpot-peng-

impot garam ke dalam negeri ini mengikut quota dan tujuan mengadakan quota ialah untuk kita memastikan berapa banyakkah garam yang dikehendak dalam negara kita ini. Mengikut angka yang saya berikan tadi ialah 120,000 tan. Berasaskan kepada itu kita telah memberi quota mengikut kehendak dalam negeri ini supaya apa juga quota dan siapa juga diberi quota akan dapat menampung kehendak dalam negeri itu dan setahu kami di pihak Kementerian, mengikut rekod-rekod tidak ada pengimpotan berlebihan yang dibenarkan. Ini bermakna bahawa soal pengimpotan garam dari luar negeri berlebih-lebihan ataupun dengan cara yang lebih baik kualitinya tidak ada hubungan dengan kegagalan Syarikat Garam Malaysia untuk mengeluarkan garam, malahan sebabnya ialah seperti kata saya tadi ialah sebab-sebab teknik, pengurusan dan sebagainya.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian sedar iaitu PERNAS tidak dapat menjual garamnya dan garam di dalam Syarikat Garam Malaysia Berhad bertimbun-timbun banyaknya dan semuanya menjadi air?

Datuk Musa Hitam: Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Setahu saya garam yang di-impot ini dapat dijual dan banyak lagi orang berkehendakkan, tetapi barangkali soalnya PERNAS atau Syarikat Garam. Kalau Syarikat Garam Malaysia quotanya telah diberi dan setahu kita dijual oleh mereka dan apabila telah habis dijual quota itu akan diberi lagi. Berkenaan kedudukan PERNAS yang ada bertimbun-timbun dan menjadi air dan sebagainya, saya sendirilah tidak dapat maklumat.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Soalan saya berkenaan dengan Syarikat Garam Malaysia. Jikalau Syarikat Garam Malaysia tidak mengeluarkan garam, apa sebabnya syarikat ini dapat mengimpot garam dari luar negeri?

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, satu daripada sebab asasnya seperti saya katakan tadi syarikat ini tidak akan memberhentikan usaha-usahnya untuk mengeluarkan garam seperti kehendak asalnya. Kalau diberhentikan langsung tidak ada

business langsung maka sudahlah jatuh di-timpa tangga pula. Jadi, quota yang diberi ini ialah sebagai sementara sahaja menunggu mereka memperbaiki kedudukan di dalam syarikat itu.

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Syarikat Garam Malaysia ini mendapat berapa banyak quota dan berapa peratus?

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf. Saya minta notis.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri tadi ada mengatakan yang Syarikat Garam Trengganu akan menubuhkan satu kilang di Trengganu. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu salt pens itu di mana?

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, saya minta notis.

Tuan Haji Ahmad Arshad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dalam masaalah pengedaran garam ke seluruh negeri kita ini yang dikelolakan oleh syarikat-syarikat berkenaan, adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ini sedar bahawa harga garam pada masa sekarang telah naik daripada 7 sen kepada 15 sen dan ini menyusahkan orang ramai. Adakah diadakan pengawalan dalam masaalah ini?

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf. Setahu saya harga garam selama ini 7½ sen atau 15 sen, saya tak boleh ingat semua harga barang-barang itu. Tetapi setahu saya harga garam sangat stabil selama ini oleh kerana dengan adanya kawalan quota dan oleh kerana mengikut undang-undang kita telah memasukkan garam di dalam senarai sebagai barang kawalan.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Garam yang dimasukkan di dalam negeri kita ialah garam kasar bukan garam halus seperti gula pasir. Jadi berapakah kilang yang membuat garam pasir yang ada di dalam negeri kita ini.

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, minta maaf. Garam yang dimasukkan ke dalam negeri kita ada yang halus, ada yang kasar; ini yang saya katakan dalam tiga kod nombor yang saya sebutkan, jadi tidaklah benar kalau dikatakan yang kasar sahaja.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, itulah yang saya hendak tanya misalnya tidak benar. Apa sebabnya, jikalau ada kilang, kilang itu kilang bumi-putra yang didirikan berjuta-juta ringgit, tetapi dibenarkan pula garam halus yang dibuat oleh kilang ini diimpot ke dalam negeri ini?

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menjelaskan sekali lagi bahawa memang ada syarikat garam dengan kilangnya. Tetapi syarikat ini ada kilangnya, tetapi garamnya belum dapat dikeluarkan. Pada mulanya dahulu dapat dikeluarkan, tetapi oleh sebab kesusahan-kesusahan teknik dan sebagainya tak dapat dikeluarkan, itulah sebabnya diimpot. Selagi keadaannya begini terpaksa diimpot. Itulah sebabnya dikenakan quota. Apabila sudah cukup nanti kita berhentikan impot termasuk garam halus, kasar dan sebagainya mengikut development stage by stage.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu kilang ini runtuh, sebab mesen kilang ini masuk ke dalam lumpur. Tetapi saya hendak bertanya sebelum mesen kilang ini jatuh ke dalam lumpur, kenapa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian membiarkan garam-garam halus ini dimasukkan ke dalam negeri kita ini?

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, apabila Ahli Yang Berhormat berkata bahawa mesen itu masuk ke dalam lumpur dan sebagainya boleh jadi benar, tetapi kita meluluskan sesuatu kilang itu didirikan bukan dengan cara otomatik sahaja kita mesti berhentikan pengimpotan, sebab ia tidak dapat mengeluarkan. Kalau keluar pun sedikit-sedikit dahulu, ada progressnya mula-mula boleh jadi 1,000 tan setahun lepas itu masuk 10,000 tan dan sebagainya. Selagi belum dapat menampung kehendak dalam negeri kita mesti membenarkan kemasukan garam.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini bukan sebulan dua telah berjalan. Kilang ini telah berjalan pada mulanya. Kalau tidak, saya tidak bertanya kiranya saya tidak ceritakan dahulu. Mula-mula hendak ambil air laut hendak dijadikan garam, tetapi gagal oleh kerana negeri kita banyak hujan. Bila air hujan datang, garam pun habis, dengan sebab itu

diminta supaya garam-garam buku ini masuk ke negeri kita supaya dikilang, diproses dan dijadikan garam halus, dan sebab itu perjalanan ini memakan setahun lebih atau dua tahun. Dengan sebab itu Garam Malaysia ini meminta supaya jangan garam-garam halus dan kasar untuk memasinkan ikan dan sebagainya, tak apalah. Garam-garam halus ini dapat d.lindung supaya syarikat ini boleh berjalan dengan baik. Apa sebabnya tidak dapat diperlindungan?

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, ini ialah soal sejarah. Agaknya Ahli Yang Berhormat lebih tahu berhubung dengan keadaan Garam Malaysia dengan cara langsung atau tidak langsung, saya tidak tahulah, tetapi dia lebih tahu kedudukan ini nampaknya, dan jawapannya sama juga bahawa sesuatu syarikat apabila kilang yang belum hendak ditutup jangan diberi masuk, kita tidak akan tutup selagi kita memikirkan bahawa di dalam negeri ini belum cukup keperluan lagi, selagi sesuatu kilang ini belum dapat mengeluarkan dan menampung kehendak negara. Jadi, kalau kita bawa masuk 10,000 tan, kalau mengikut katanya jangan masukkan lagi supaya dapat monopoli dan sebagainya. Inilah yang dikritik oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini, misalnya, mengatakan ada kilang ditutup, tidak diberi masuk—complete monopoly, kurang pula garam dalam negeri, naik harga dan sebagainya. Dasar kita ialah memastikan dahulu bahawa ianya betul-betul cukup, tetapi dari segi kilang itu jikalau ikut katanya tutup sekali.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah kilang bumiputra yang sebenar-benarnya. Saya bercakap di sini oleh kerana mempertahankan kilang bumiputra sebenar-benarnya kalau sebetulnya dasar Kerajaan untuk menolong bumiputra dalam perdagangan dan perusahaan—itu sahaja. Pertanyaan saya supaya pada masa akan datang, jikalau cukup bolehkah dijamin dan bergerak sampai 1-2 tahun, bolehkah Yang Berhormat Menteri mempertahankan atau melindungi hak-hak yang seperti ini?

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, boleh.

Tuan Ng Hoe Hun: Yang Berhormat Menteri mengatakan harga garam di Malaysia stabil, iaitu harganya 15 sen sekati pada tahun 1974, tetapi tahun 1973 harga

garam ialah 7 sen sekati, itulah pendapatnya. Tetapi soal saya jikalau quota-quota mengimpor garam ini dihapuskan atau dikansel, harga garam mesti turun, dan soalan saya, kerja ini hendak melindungi rakyat atau berlindung dengan Parlimen? Dan bolehkah Menteri menghapuskan quota ini?

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, soal ini ialah soal balance di mana kita harus mempertahankan untuk menggalakkan sesuatu industri di mana kita tidak harus membuat dan ini pula ada berkaitan dengan soal pioneer status dan soal perlindungan dan sebagainya. Soal ini, saya harap Ahli Yang Berhormat sedar dari segi quota kita katakan selagi ada percubaan dan harapan terutama sekali dari segi perkilangan, syarikat ini ialah syarikat bumiputra yang baru hendak naik selagi ada kemungkinan syarikat ini berjaya, maka kita terpaksa mengadakan quota untuk menyelamatkannya. Kalau dibuka 100% bukan sahaja dia tidak selamat dia tenggelam habis. Jadi tidak ada peluang syarikat ini bangun langsung.

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di-Pertua, Syarikat Garam Trengganu hendak melindungi syarikat ini, tetapi syarikat ini tidak ada cukup alat. Syarikat Garam Trengganu hendak gunakan salt water atau air masin masuk ke dalam salt pens. Syarikat itu hendak keringkan salt water jadi garam. Syarikat ini pun tidak ada salt pens, jadi patutlah Kerajaan hapuskan quota-quota garam ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, apa soalnya?

Tuan Ng Hoe Hun: Mengapa tidak beri sahaja; syarikat ini tidak boleh jadi, tidak boleh maju, serupa Syarikat Garam Malaysia, sebab quota ini hendak melindungi perindustrian baru iaitu Syarikat Garam Malaysia sebab ada quota, tetapi syarikat ini sudah tenggelam. Mengapa tidak mahu menghapuskan quota garam?

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat menyatakan bahawa syarikat sudah tenggelam, saya kata kalau dihapuskan quota maka tetaplah akan tenggelam. Pada masa ini ada harapan dan kita akan mengkaji apabila pihak Kementerian sedar dan puas hati bahawa syarikat ini tidak akan dapat berjalan lagi untuk kepentingan

negara. Kita akan memberi peluang kepada syarikat-syarikat lain ataupun menghapuskan quota.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana dari jawapan-jawapan yang diberi amat nyata kepada kita dalam Dewan ini bahawa garam adalah satu perkara yang sangat-sangat perlu dan keperluan negara ialah sebanyak 120,000 tan setahun bagi tahun 1973 yang lalu. Dan kata Yang Berhormat Menteri iaitu Syarikat Garam Malaysia Sendirian Berhad yang telah diberhentikan sementara ini kerana ada sebab-sebab yang tertentu. Kita tahu bahawa ada satu Syarikat Garam Trengganu Sendirian Berhad sedang diusahakan dan akan dapat mengeluarkan garam pada bulan September, 1974, kalau boleh dapat menampung kehendak negara kita. Saya ingin mendapat jaminan daripada Dewan ini sejauh mana Kerajaan yang ada pada hari ini dapat menolong Syarikat Garam Trengganu Sendirian Berhad ini untuk berdiri dengan tegap, dan dapat mengeluarkan sekira-kira menampung, kalau tidak 50% pun, sekadar yang boleh ditolong oleh Kerajaan Persekutuan supaya tidak terjadi seperti Syarikat Garam Malaysia Berhad yang telah disebutkan tadi.

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak berjanji—dari segi misalnya dia rosak dan sebagainya, tidak boleh jalan, kita ambil alih, kita jadi makenik dan sebagainya; itu tidak boleh, tetapi kalau janji dari segi seperti soal yang dihadapi oleh Syarikat Garam Malaysia itu untuk sementara kita tolong dia, kita masih mengenakan quota untuk menyelamatkan pengeluarannya; saya boleh membuat janji.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Soalan tambahan. Sebenarnya, saya faham bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri tahu ada masalah-masalah yang dihadapi oleh Syarikat Garam Trengganu Sendirian Berhad. Jadi tentulah dapat beliau menerangkan dalam Dewan ini di atas masalah-masalah itu boleh atau tidak Kerajaan menolong, atau hendak suruh saya sebutkan apakah pertolongan yang dikehendaki itu?

Tuan Yang di-Pertua: Ini masa soal jawab. Kalau sudah tahu tidak payah disebut-sebut lagi, tunggu masa lain. Yang tidak tahu sahaja ditanya.

GETAH TIRUAN

5. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan kejayaan yang telah dicapai oleh Malaysia dan negara-negara ASEAN untuk mendapatkan Jepun mengurangkan pengeluaran getah tiruannya dan perusahaan-perusahaan Jepun menggunakan banyak lagi getah asli.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Haji Yusof bin Haji Abdullah): Tuan Yang di-Pertua, rundingan di antara ASEAN dengan Jepun adalah untuk memperoleh kerjasama supaya pengeluaran getah tiruan mereka dapat dikurangkan. Rundingan-rundingan adalah dijalankan Melalui Forum ASEAN—Jepun iaitu satu saluran yang telah ditubuhkan secara rasmi oleh ASEAN dan negara Jepun.

Di dalam Majlis dailog yang telah diadakan baru-baru ini, perkara-perkara berikut telah dicapai:

- (i) Negara Jepun telah bersetuju untuk memberi kerjasama yang penuh supaya ancaman perkembangan perusahaan getah tiruan mereka itu dikurangkan;
- (ii) Negara Jepun telah bersetuju untuk memberi timbangan kepada perusahaan getah tiruannya yang mengeluarkan "cis-polyisoprene" supaya pengeluaran getah tiruan itu tidak mengancamkan pengeluaran atau kedudukan getah asli;
- (iii) Negara Jepun telah bersetuju untuk memberi bantuan teknik bagi penyelidikan getah asli di bidang kegunaan baharu; dan
- (iv) Negara Jepun juga bersetuju untuk mereka menambahkan kegunaan getah asli.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini dengan butir-butir yang lebih terang mengenai persetujuan Kerajaan Jepun mahu bekerjasama dengan negara-negara ASEAN untuk mengurangkan ancaman pengeluaran getah asli kepada perusahaan-perusahaan getah di negara-negara ASEAN? Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan, sungguhpun Kerajaan Jepun telah mempersetujui atas perkara ini, tetapi adakah Kerajaan Jepun mengatakan mereka tidak akan menambahkan lagi pengeluaran getah tiruan,

atau misalnya jikalau di tahun yang lalu pengeluaran getah tiruan ialah X adakah Kerajaan Jepun bersetuju tidak akan menambahkan lagi X-plus?

Tuan Haji Yusof bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya telah sebutkan tadi satu daripada persetujuan yang telah diambil bahawa Jepun telah bersetuju untuk memberi timbangan kepada perusahaan getah tiruannya yang mengeluarkan getah tiruan supaya pengeluaran getah mereka itu tidak mengancam pengeluaran getah kita. Dari sini dapat kita tahu bahawa negara Jepun akan menimbangkan supaya keluaran mereka itu tidak mengancam kedudukan getah asli kita.

Tuan Lim Kit Siang: Pada pendapat Kerajaan Malaysia dan kepada pendapat negara-negara ASEAN ancaman kepada industri getah ialah satu sifat yang boleh dibezakan: apa yang dikatakan oleh Kerajaan Jepun bukan ancaman kepada rubber industry, tetapi dari pandangan kita ialah satu ancaman kepada rubber industry kita, dan bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini apa persefahaman Kerajaan Malaysia atas perkara ini mengenai ancaman pengeluaran getah tiruan kepada Malaysia jikalau Jepun terus menambahkan pengeluaran getah tiruan?

Tuan Haji Yusof bin Haji Abdullah: Perkara ini berbalik ke situ juga, Tuan Yang di-Pertua. Kalau mereka telah bersetuju bahawa mereka itu akan menimbangkan pengeluaran mereka itu tidak mengancam getah asli berertilah mereka itu akan cuba mengurangkan pengeluarannya. Begitu yang dapat kita faham.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Adakah Kerajaan yakin segala butiran yang diterangkan mengenai persetujuan dengan Kerajaan Jepun itu dapat dilaksanakan oleh Kerajaan Jepun dengan amalannya, kerana telah menjadi kebiasaan saudagar-saudagar Jepun ini banyak memungkiri janji kepada ahli-ahli perniagaan kita dalam negeri ini?

Tuan Haji Yusof bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dikatakan oleh orang tua-tua kita: Kerbau dipegang dengan talinya; manusia dipegang

kepada katanya. Kita selalu berbaik sangka bahawa persetujuan yang telah didapati itu tentulah akan dilaksanakan.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Kalau dia tidak memegang dengan katanya apa pula tindakan kita terhadap Kerajaan Jepun itu?

Tuan Yang di-Pertua: Itu tidak payah dijawab, itu kalau-kalau.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan samada Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan-kerajaan ASEAN yang lain berpuas hati dengan persetujuan negara Jepun mahu menimbangkan perkara ini? Adakah Kerajaan Malaysia dengan negara-negara ASEAN yang lain akan berunding dengan Kerajaan Jepun mengenai peringkat-peringkat, butir-butir, volumes atau angka-angka pengeluaran getah tiruan untuk menjamin betul-betul pengeluaran getah tiruan akan dikurangkan?

Tuan Haji Yusof bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, buat masa sekarang kita berpuas hati, tetapi dialog yang akan mengkaji lebih mendalam akan diadakan, kalau saya tidak silap iaitu pada bulan Mei yang akan datang di peringkat Menteri-menteri.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan yang akhir. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini adakah Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Negara-negara ASEAN yang lain mengadakan satu cadangan atau rancangan contingency untuk mengambil tindakan keras atau lain-lain tindakan terhadap Kerajaan Jepun jikalau Jepun tidak melaksanakan janjinya?

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalan lain.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Masaalah ini berkenaan dengan getah tiruan dan getah asli. Apabila Negeri Jepun mengeluarkan banyak getah tiruan harga getah asli turun. Apa sebabnya Malaysia menanam getah lagi sepatutnya ditukarkan dengan tanaman yang lain? Adakah Kerajaan Malaysia mempunyai satu rancangan untuk menggalakkan petani-petani jangan menanam getah tetapi menanam tanaman yang lain.

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalan lain.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Mengikut keterangan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, di dalam perundingan kita dengan Negara-negara ASEAN kita telah mendapat jaminan daripada Jepun untuk mengurangkan pengeluaran getah tiruan. Saya ingin mendapat penjelasan, kenapa kita hanyalah mengikatkan Jepun sahaja, sedangkan negara-negara lain juga di kawasan ASEAN ini mengeluarkan getah tiruan? Adakah pada pendapat Malaysia bahasa Jepun sahaja merupakan negara yang paling merbahaya kepada Malaysia di dalam soal getah tiruan ini?

Tuan Yang di-Pertua: Itupun soalan lain.

BAJA KEPADA PETANI-PETANI— KEKURANGAN

6. Dr Chen Man Hin minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan samada beliau sedar bahawa bukan sahaja harga baja-baja untuk petani-petani dan pekebun-pekebun kecil getah sudah naik tetapi juga telah berkurangan, dan samada langkah-langkah tegas telah diambil untuk menjamin bekalan yang cukup dengan harga yang berpatutan bagi baja-baja.

Tuan Haji Yusof bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, masalah berkurangan baja baru-baru ini bukan sahaja menjadi satu masalah yang besar kepada negara kita bahkan juga menjadi masalah yang dihadapi oleh seluruh dunia. Sebagai langkah-langkah yang tegas yang telah diambil untuk menjamin bekalan yang cukup, baru-baru ini di dalam lawatan Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama ke Timur Tengah telah membincangkan dengan negara-negara yang mengeluarkan baja itu dan telah berjaya mengadakan rundingan untuk mendapatkan bekalan baja-baja sebanyak 30,000 tan dalam tahun ini yang diperlukan bagi penanaman getah.

Sementara itu saya juga telah mengarahkan RISDA supaya mengimpot lebih banyak lagi baja-baja bagi pekebun-pekebun kecil perusahaan getah. Baja-baja ini akan dibahagikan kepada pekebun-pekebun kecil sebagai bantuan Kerajaan di dalam usaha mereka menanam semula pokok-pokok getah yang tua.

Untuk menentukan bekalan yang cukup kepada pekebun-pekebun kecil, RISDA juga telah menjalankan skim kredit baja di mana pekebun-pekebun kecil itu boleh mendapatkan pendahuluan baja dengan bayaran dibuat secara beransuran. Berkaitan dengan perkara ini, saya suka lah berseru kepada pekebun-pekebun kecil bayaran dibuat secara beransuran. Bersepuh-penuhnya dan mereka boleh berhubung dengan pejabat-pejabat RISDA di dalam kawasan mereka untuk mendapat maklumat-maklumat yang lebih lanjut.

Dr Chen Man Hin: Soalan tambahan. Adakah Kementerian yang berkenaan sedar sekarang ini bahawa ada banyak pekebun-pekebun kecil sangat susah mendapat baja, sebab factory tempatan (local factory) seperti ICI tidak cukup mengeluarkan baja, maka dengan sebab itu bilakah baja daripada Negeri-negeri Arab atau dari lain-lain tempat akan sampai ke sini? Kalau lambat, saya ingat harga baja tempatan akan bertambah naik dan susah mendapatnya.

Tuan Haji Yusof bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya katakan tadi, kita telahpun berusaha hendak mengimpot baja-baja daripada negeri-negeri pengeluar, dan suka saya memberi tahu bahawa RISDA adalah berusaha kerana pekebun-pekebun kecil telahpun mengimpot baja sebanyak 20,698 tan dan telah tiba ke negara kita ini.

Dr Tan Chee khoon: Soalan tambahan. Timbalan Menteri menyatakan kita telah menambahkan baja di tanahair kita dengan secara mengimpot, tetapi adakah Kerajaan mengambil suatu langkah untuk menggalakkan kilang-kilang baja bagi mengeluarkan lebih banyak lagi di tanahair kita supaya kita boleh mengatasi kekurangan baja di dalam negeri ini?

Tuan Haji Yusof bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, perkara itu tentulah kita akan ambil kajian, dan jika sudah sampai masanya, saya fikir, tentulah Kerajaan akan berbuat demikian.

Dr Tan Chee Khoon: Bolehkah Timbalan Menteri yang berkenaan menjelaskan, kalau dibandingkan dengan tahun yang lalu berapa banyak baja yang akan dikeluarkan pada tahun ini, oleh sebab bukan sahaja

harganya tinggi, tetapi harganya dinaikkan. Kekurangan baja bukan sahaja di tanahair kita, tetapi juga di luar negeri.

Tuan Haji Yusof bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan awalnya ialah untuk pekebun-pekebun kecil di bawah jagaan RISDA. Baja-baja di bawah jagaan RISDA adalah mencukupi bagi tahun ini, tetapi untuk Kementerian lain tidaklah saya dapat menjawabnya.

Dr Chen Man Hin: Soalan tambahan. Adakah Kementerian yang berkenaan sedar pada bulan Jun tahun lepas, pekebun-pekebun kecil membeli satu beg baja dengan harga \$16.50 dan pada bulan Januari tahun ini harganya bagi satu beg ialah \$18 tetapi seminggu dahulu harganya bagi satu beg ialah \$20 (satu tan \$500). Kalau sedar akan masalah ini, adakah Kerajaan akan mengambil langkah untuk mengawal harga ini dan jangan diberi harga yang sangat tinggi?

Tuan Haji Yusof bin Abdullah: Kerajaan sedar, tetapi daripada RISDA baja yang dijual ialah dengan harga yang berpatutan.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Timbalan Menteri tadi, saya ingin tahu adakah Kementerian sedar bahawa ada pekebun-pekebun kecil kita yang tidak dapat menerima baja yang diberikan pada asalnya, umpamanya Cap Kuda, tetapi apabila sampai ke tangan pekebun-pekebun kecil mereka terima baja cap lain, dan ini akan mengurangkan mutu baja, dan akan mengurangkan penyuburan getah pekebun-pekebun kecil, adakah Kementerian ini sedar dan apa langkah yang akan dibuat?

Tuan Haji Yusof bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, kalau pengambilan itu terus daripada Pejabat-pejabat RISDA, saya tidak fikir masalah itu timbul, tetapi jikalau diambil dengan menggunakan orang tengah mungkin terjadi.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Adakah Kementerian ini sedar juga bahawa pekebun-pekebun kecil kita di luar bandar yang buta huruf dengan nombor telah ada dikelirukan oleh pihak-pihak yang berkenaan, umpamanya dia dapat baja 10 beg tetapi dia sign voucher menerima baja hanya 8 beg, jadi dengan keadaan yang

semacam ini adakah disedari oleh Kementerian, dan apakah langkah yang sedang diambil sekarang?

Tuan Haji Yusof bin Abdullah: Kalau sudah buta huruf umpamanya, carilah seorang yang celek supaya bawa pergi bersama. Kalau benar ada seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat ini, silalah lapurkan ke Pejabat RISDA.

Dr Chen Man Hin: Soalan tambahan. Negara kita sangat kurang baja dan kalau tidak salah ingatan saya ada sebuah factory yang mengeluarkan baja iaitu I.C.I. Dalam lawatan Menteri Perusahaan Utama ke Timur Tengah adakah membuat perjanjian dengan negara-negara di sana untuk membuka factory baja atau petro-chemical di sini atau kedua-duanya sekali?

Tuan Haji Yusof bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, setahu saya mereka cuma akan memberi baja, membuat factory tidaklah saya tahu.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Soalan tambahan. Seperti yang telah diakui sendiri oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa baja adalah perkara yang paling membimbangkan negara kita sekarang ini, sehingga kita terpaksa menghantar perutusan kita keluar negeri untuk mencari bekalan-bekalan baja, dan mengikut kenyataan-kenyataan Menteri juga sudah banyak baja yang disorok oleh ahli-ahli perniagaan di dalam masa anti-sorok yang kita telah rampas. Saya ingin mendapat tahu kalau barang-barang yang di rampas daripada gerakan anti-sorok, kalau dapat kerjasama dari Menteri Perusahaan Utama dengan Menteri Perdagangan dan Perindustrian dan lain-lain, bolehkah atau tidak baja itu dikeluarkan dalam keadaan saat seperti ini bagi mengatasi kekurangan yang sedang dihadapi oleh petani-petani dan pekebun-pekebun kecil di negara kita sekarang ini?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan itu harus sahaja, sudahkah dapat bukti ada orang yang menyorok?

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Ada kenyataan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan menyatakan sekian-sekian banyak sudah dirampas sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi belum ada bukti baja disorok!

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Baja yang dirampas sudah diketahui sekian-sekian banyak.

Tuan Haji Yusof bin Haji Abdullah: Kes ini masih dalam mahkamah lagi, jadi tak boleh kita bincangkan di sini.

Tuan Ng Hoe Hun: Berkenaan dengan baja tak cukup di negara ini, bolehkah Menteri beritahu di Selangor ini ada berapa buah kilang pengeluaran baja?

Tuan Haji Yusof bin Haji Abdullah: Sepanjang pengetahuan saya, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada.

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di-Pertua, bagaimana Timbalan Menteri tidak tahu, di Petaling Jaya ada kilang I.C.I. mengeluarkan baja urea. Dalam Dewan Rakyat pun Menteri Perusahaan Utama pernah mengatakan ada kilang baja, tetapi Timbalan Menteri itu tidak tahu. Saya tak mengerti mengapa beliau tidak tahu.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau Ahli Yang Berhormat itu lebih tahu lagi tidak payahlah tanya.

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya bertanya soalan ini kerana saya hendak tahu

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, sudah terang bersuluh lagi!

Tuan Ng Hoe Hun: Ya. Saya minta Timbalan Menteri menjawabnya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Yusof bin Haji Abdullah: Barangkali oleh sebab Ahli Yang Berhormat itu kurang mengerti Bahasa Malaysia; saya katakan sepanjang pengetahuan saya. Jadi, kalau Ahli Yang Berhormat beri makluman, saya ucapkan terima kasih.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Kalau Timbalan Menteri sudah sedar ada kilang memproses baja di Petaling Jaya, bolehkah beliau minta Syarikat Shell, Sarawak yang mengeluarkan crude oil dihantar ke Shell Refinery Port Dickson? Kalau buat begitu, kita boleh dapat naphthalenic base crude dan boleh digunakan di kilang baja.

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalan lain, tak ada kena-mengena dengan soalan asal.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baja urea satu perkara yang amat mustahak untuk memajukan pertanian di negara kita. Beberapa tahun yang silam Menteri Pertanian yang pertama telah mencadangkan kepada Kerajaan untuk mendirikan kilang baja urea, tetapi cita-cita Menteri itu telah tidak berjaya. Adakah Menteri Pertanian yang ada ini cuba pula mengeluarkan satu syor kepada Kerajaan supaya mendirikan kilang baja urea yang dimodali oleh syarikat kerjasama atau syarikat-syarikat peladang di Malaysia?

Tuan Haji Yusof bin Haji Abdullah: Itu soalan lain. Bukan urusan Kementerian Perusahaan Utama, tetapi urusan Kementerian Pertanian.

Dr Chen Man Hin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab inflasi adalah satu masalah yang sangat penting, adakah Kerajaan mempunyai baja yang cukup untuk dijual kepada petani-petani dalam rancangan-rancangan tanah dan penanam padi di Malaysia.

Tuan Haji Yusof bin Haji Abdullah: Untuk pekebun-pekebun kecil getah adalah terjamin, tetapi untuk petani-petani yang lain yang tidak di bawah Kementerian saya tidaklah dapat saya memberi jaminan.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan-jawapan bagi Pertanyaan No. 7 hingga 25 adalah diberi di bawah ini).

KAPALTERBANG KING AIR 100

7. **Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Perhubungan jika beliau boleh mengesahkan bahawa Kementerian beliau telah membeli sebuah kapalterbang dua pesawat jenis King Air, dan jika ya:

- (a) bilakah ianya dibeli;
- (b) berapa jumlah harga membeli kapalterbang itu;
- (c) berapakah harga kelengkapan yang dipasang di dalam kapalterbang yang berkenaan;
- (d) apakah tujuan membeli kapalterbang itu;

- (e) adakah kapal tersebut digunakan untuk tujuan ianya dibeli;
- (f) jika tidak pernah digunakan untuk tujuan ianya dibeli, beri penerangan kenapa tidak;
- (g) jika ianya pernah digunakan untuk tujuan itu mengapakah pihak F.A.A. masih ditugaskan untuk membuat penerbangan untuk mengkaji alat panduan penerbangan biasa di lapangan-lapangan terbang negara ini dan berapakah bayaran untuk perkhidmatan mereka; dan
- (h) berapa jam kapalterbang itu telah membuat penerbangan sejak ianya dibeli:
 - (i) untuk membawa orang-orang kenamaan; dan
 - (ii) untuk tujuan ianya dibeli.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir):

- (a) Kementerian Perhubungan telah membeli sebuah kapalterbang jenis King 100, pada bulan August 1971 dan pesawat itu tiba di Malaysia pada September tahun itu.
- (b) Harga kapalterbang termasuk perlengkapan letronik serta barang-barang ganti ialah US\$798,261.
- (c) Harga kelengkapan sahaja yang dipasang dalam kapalterbang adalah US\$181,595.
- (d) Kapalterbang dibeli untuk tujuan melakukan Flight Inspection and Calibration of Navigational Aids dan sistem perhubungan yang berkenaan di dalam negara.
- (e) Percubaan telah dibuat untuk menggunakan kapalterbang itu bagi tujuan ianya dibeli, iaitu untuk Flight Calibration oleh Jabatan Penerbangan Awam. Malangnya kapalterbang ini tidak dapat digunakan untuk maksud itu dengan sepenuhnya.
- (f) Ini adalah disebabkan oleh kesukaran mendapat juruterbang dan juruteknik-juruteknik yang terlatih, dan mempunyai kemahiran yang memuaskan. Bagaimanapun, usaha untuk melantik juruterbang dan juruteknik itu telah dibuat dan pada tahun 1972 mereka

itu telah dilantik dan dilatih dalam bidang Calibration itu. Oleh sebab daya tarikan, syarat-syarat dan sekim perkhidmatan di kalangan swasta, dan kekurangan daya tarikan di dalam Kerajaan, maka mereka itu telah berhenti dari perkhidmatannya. Usaha-usaha lain untuk mendapatkan juruterbang dan juruteknik telah dijalankan tetapi tidak dapat dijayakan dengan sepenuhnya oleh sebab-sebab daya tarikan untuk berkhidmat dengan Kerajaan tidak begitu menarik. Bagaimanapun Kementerian saya sedang berusaha dengan MAS untuk pelancaran kerja-kerja Calibration ini dan adalah dijangka rancangan ini dapat dilaksanakan pada bulan Ogos 1974.

- (g) Bayaran untuk perkhidmatan F.A.A. menjalankan tugas Flight Calibration adalah US\$856 untuk setiap jam penerbangan.
- (h) Jumlah jam penerbangan yang telah dibuat oleh pesawat itu adalah 443 jam dan 115 jam daripadanya dilakukan di Malaysia. Kapalterbang ini tidak pernah digunakan untuk membawa orang-orang kenamaan. (The aircraft has been used for transportation purposes associated with official business and to maintain the aircraft in use, but has not been used specifically for the purpose of transporting VIPs.).

TANAH DIMILIKI SYARIKAT ASING

8. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah minta Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas menyatakan:

- (a) samada Kerajaan bercadang menghad atau menghentikan orang-orang asing atau syarikat-syarikat asing dari membeli tanah di negeri ini, memandangkan kesusahan yang dialami oleh rakyat jelata bila hendak membeli tanah;
- (b) berapa ekarkah tanah yang dimiliki oleh orang-orang asing atau syarikat-syarikat asing di Malaysia, tujuan mendapatkan tanah ini dan samada syarat-syarat dikenakan ke atas pemilikan seperti ini; dan

- (c) samada Kerajaan sedar bahawa akibat-akibat daripada (a) dan (b) di atas telah menyebabkan perasaan tidak puas hati di kalangan rakyat jelata negeri ini dan boleh memburukkan keadaan inflasi, jika ya, nyatakan langkah-langkah yang Kerajaan telah ambil bagi mengelak berlakunya lagi kejadian seperti ini di masa hadapan bagi menjamin taraf hidup rakyat Malaysia.

Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas (Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda):

- (a) Perkara menghadkan atau menghentikan orang-orang asing atau syarikat-syarikat asing daripada membeli tanah di negara ini adalah masih di dalam kajian oleh sebuah Jawatankuasa Kerja Kementerian Kemajuan Tanah yang ditubuhkan untuk mengkaji segala aspek dan implikasi-implikasi yang mungkin timbul berikutan dengan tindakan tersebut.

Jawatankuasa ini berharap laporannya mungkin dapat disiapkan selewat-lewatnya akhir tahun ini untuk dirujuk pula kepada Jawatankuasa Jumaah Menteri.

- (b) Jumlah tanah yang dimiliki oleh orang-orang asing atau syarikat-syarikat asing sehingga akhir tahun 1972 adalah seperti berikut:

Getah	...	...	811,000 ekar.
Kelapa Sawit	...	...	401,000 ekar.
Kelapa	...	...	36,000 ekar.
Teh	...	...	4,000 ekar.

- (c) Sebagaimana diketahui bahawa inflasi di Malaysia adalah disebabkan oleh gejala-gejala inflasi yang datang dari luar negeri dan ditambah pula oleh golongan-golongan yang tidak bertanggungjawab yang ingin mencari keuntungan cepat dan berganda.

RISALAH-RISALAH KERITIK KERAJAAN

9. Tuan Mustapha bin Hussain bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri samada beliau sedar dalam bulan Februari, 1974 risalat-risalat pengkritik Kerajaan telah

disebarkan kepada orang ramai, dan jika ya, bolehkah Menteri memberitahu siapa yang bertanggungjawab menyebarkan risalat-risalat tersebut dan apa hasil penyiasatan Polis berkenaan dengannya: beritahu di sekolah mana, di masjid mana dan tempat perhimpunan mana risalat-risalat itu disebar: bolehkah Menteri memberitahu kandungan risalat-risalat tersebut di dalam Dewan ini.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Risalat-risalat mengkritik Kerajaan ini banyak disebar, boleh dikatakan hampir tiap-tiap hari dan di mana-mana sahaja, bukan sahaja pada bulan Februari, 1974 dan bukan sahaja di masjid dan di sekolah-sekolah; dan atau isi kandungannya banyak yang tidak berbeza dari apa yang dikemukakan oleh parti Pembangkang dan kominis. Utau menjawab soalan siapakah yang bertanggungjawab menyebarkan risalat-risalat ini, saya menyatakan orang-orang yang menyebarkan ialah orang-orang yang tidak bertanggungjawab.

**LADA HITAM—
PENYAKIT AKAR**

10. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggoi minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan:

- (a) setakat manakah penyelidikan dibuat terhadap penyakit akar lada hitam Sarawak;
- (b) tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan penyakit akar lada hitam itu; dan
- (c) cara-cara mengubat yang disyorkan oleh Jabatan Pertanian terhadap penyakit akar lada hitam.

Menteri Pertanian dan Perikanan (Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi):

- (a) Di Negeri Sarawak MARDI dengan kerjasama Jabatan Pertanian Neg telah menyelidik empat jenis penyakit lada hitam iaitu sebagai berikut:

- (1) Penyakit reput akar (foot root);
- (2) Ulat Namatode;
- (3) Kulat akar;
- (4) Akar terbenam.

Penyelidikan yang dijalankan itu berupa back-stopping research dalam dua aspek iaitu:

- (1) Kawalan dengan jalan penyemburan racun-racun kimia kulat;
 - (2) Pembiakan benih dari jenis-jenis yang kebal.
- (b) Peladang-peladang adalah dinasihatkan supaya mengamalkan prektik kebersihan tumbuhan dan menjalankan langkah-langkah seperti berikut di ladang mereka:

- (1) Mengelakkan pembukaan ladang lada hitam di kawasan-kawasan tanah liar atau di kawasan-kawasan yang mempunyai air bertakung;
 - (2) Menggali parit-parit di kawasan-kawasan ladang hitam supaya air tiada bertakung dan menyenangkan pula air hujan melurut dengan baiknya;
 - (3) Mengawal supaya lada hitam tiada ditanam semula di tempat-tempat dalam kawasan yang telah dijangkit oleh penyakit ini;
 - (4) Memusnahkan semua pokok-pokok yang berpenyakit dengan cara membakarnya;
 - (5) Mengamalkan cara kebersihan di kawasan-kawasan ladang dengan peraturan membersihkan kasut-kasut selepas melawat kawasan yang berpenyakit sebelum pergi melawat atau masuk kawasan-kawasan yang lain, dan bagi maksud itu mengadakan tempat membasuh kaki dan kasut di pintu-pintu masuk di tiap-tiap ladang lada hitam.
- (c) Antara cara-cara mengubati penyakit lada hitam yang dibenarkan oleh Jabatan Pertanian itu ialah:
- (1) Membuat semburan yang berulang-ulang dengan racun kulat seperti "Coprantol" atau Bordeaux kepada pokok-pokok lada hitam;
 - (2) Memusnahkan semua pokok-pokok yang berpenyakit dengan cara membakarnya dan ditabur kimia Dazomet;

(3) Tanah di sekeliling rumpun lada hitam hendaklah juga disiram dengan campuran kimia Lysol kira-kira satu pint dalam 4 gelen;

(4) Tempat-tempat dan kawasan-kawasan yang telah diserang penyakit akar lada hitam itu hendaklah jangan ditanam semula dengan lada hitam.

KADAR KUTIPAN PEPERIKSAAN

11. Dr A. Soorian minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) mengapakah Kerajaan masih mengambil \$8.65 untuk satu paun British dari penuntut-penuntut yang mengambil peperiksaan M.C.E./S.P.M. pada hal kadar sekarang adalah \$5.60 sepaun; dan
- (b) adakah Kerajaan menimbang untuk memberi balik perbezaan harga kepada penuntut-penuntut yang berkenaan kerana keadaan inflasi dalam negeri sekarang.

Menteri Pelajaran (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob):

- (a) Apa yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah tidak benar. Pada tahun 1973 Kementerian Pelajaran telah mengurangkan kadar kutipan bagi £1 sterling dari \$9 ke \$7.20, dan pada tahun 1974 Kementerian Pelajaran telah pula menurunkan sekali lagi kadar kutipan itu dari \$7.20 kepada \$6.20.

Tambahan sebanyak 60 sen adalah untuk bayaran pengawasan peperiksaan, tuntutan perjalanan pengawas-pengawas, elaun hidup penyelia-penyelia kawasan, perbelanjaan pos dan pentadbiran-pentadbiran lain.

- (b) Kerajaan tidak akan menimbangkan untuk membayar balik perbezaan harga bagi apa jua bayaran pun kepada penuntut-penuntut kerana kutipan-kutipan yang telah dibuat itu adalah berpatutan, bagi peperiksaan-peperiksaan pada ketika itu.

BANTUAN KEPADA ORANG MISKIN

12. Tuan Chan Fu King minta Menteri Kebajikan Am menyatakan samada Kementerian beliau akan menimbang menambah bantuan kepada orang-orang miskin yang menerima bantuan kewangan sekarang. Jika tidak, kenapa.

Menteri Kebajikan Am (Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani): Bantuan kewangan kepada orang-orang yang berkeperluan adalah diberi oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dan juga oleh Kementerian saya. Bersabit dengan Kementerian saya, saya suka menyatakan bahawa tindakan telahpun diambil bagi menambah kadar bantuan. Kadar baru ini akan dijalankan mulai daripada 1hb Jun, 1974.

TALIPON—PERKHIDMATAN DI AYER ITAM

13. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau sedar bahawa lebih kurang 300 orang penduduk-penduduk Ayer Itam, di Pulau Pinang yang telah memohon untuk mendapatkan talipon di rumah-rumah dan kedai-kedai mereka kira-kira dua tahun yang lalu masih lagi menunggu talipon-talipon tersebut yang tidak dapat dipasang kerana kekurangan talipon kebel utama. Jika sedar, mengapakah langkah segera tidak diambil oleh Jabatan Talikom, Pulau Pinang untuk mengadakan kebel-kebel yang tersebut itu, tidak dengan berdiam diri sahaja selama dua tahun ini dan nyatakan bilakah perkara ini akan diselesaikan keseluruhannya.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Saya sedar bahawa bilangan orang yang menunggu perkhidmatan talipon di kawasan Ayer Itam, Pulau Pinang semakin bertambah mulai awal tahun 1973. Saya telahpun mengarahkan Jabatan Talikom supaya mengambil langkah-langkah yang perlu bagi melayan permintaan talipon tersebut, dan tindakan memesan kebel telahpun diambil. Pada masa sekarang kerja-kerja memasang pembedungan bagi memasukkan kebel sedang berjalan. Apabila pembedungan ini siap kelak, kebel-kebel akan ditarik, disambung dan diuji, kerja-kerja ini adalah kerja yang besar dan diramalkan akan dapat disiapkan pada penghujung tahun ini atau awal tahun 1975.

ANASIR-ANASIR KOMINIS— ORANG AWAM

14. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan orang awam yang dahulunya terpengaruh oleh anasir-anasir komunis tetapi telah menyerah diri kepada Kerajaan; dan
- (b) strategi yang baru yang telah atau sedang diambil oleh Kerajaan bagi menghapuskan aktiviti-aktiviti subversif atau komunis di negeri ini supaya dapat dipertahankan keadaan aman dan harmoni di negeri ini.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Untuk Kepentingan Kerajaan dan rakyat serta mengelakkan daripada musuh mengetahui apa yang kita tahu berkenaan dengan kedudukan mereka dan juga mengelakkan mereka mengetahui strategi kita untuk menghapuskan mereka, saya minta izin tidak menjawab.

WONG SUI SUNG—KEMATIAN

15. Tuan Yeoh Teck Chye minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menerangkan keadaan-keadaan di mana seorang tahanan, Wong Sui Sung telah meninggal dunia dalam Khemah Tahanan Taiping.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Soalan Ahli Yang Berhormat sudah dijawab, sila semak jawapan saya di sidang Dewan ini pada 16hb April, 1974.

TANAMAN PELBAGAI-JENIS (AGRICULTURAL DIVERSIFICATION)

16. Awang Bungsu bin Abdullah bertanya kepada Menteri Pertanian dan Perikanan bagaimanakah kejayaan tanaman pelbagai-jenis (agricultural diversification) yang telah dilancarkan di kawasan-kawasan luar bandar di Sarawak dan bolehkah Kementerian beliau memberi bantuan dan nasihat kepada pihak tani untuk membaiki tanaman mereka pada masa akan datang.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Rancangan mempelbagaikan pertanian yang dilancarkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak itu adalah bertujuan untuk memperkenalkan tanaman-tanaman jangka pendek dan jangka panjang yang sesuai

bagi menambah pendapatan pekebun-pekebun kecil supaya penghidupan mereka tiada bergantung semata-mata kepada tanaman getah. Daripada peruntukan sebanyak \$8,613,000 di bawah Rancangan Pembangunan Malaysia Kedua sebanyak \$3,708,380 telah dibelanjakan di dalam 3 tahun yang berlalu berakhir 31hb Disember, 1973 iaitu hampir-hampir 43%. Luas tanaman yang telah diusahakan adalah seperti berikut:

Kelapa sawit	...	...	710 ekar
Buah pala	...	...	400 ekar
Bunga cengkeh	...	...	400 ekar
Patchuuli	...	...	50 ekar
Buah jaggus	...	...	200 ekar
Koko	...	...	2,254 ekar
Kopi	...	...	1,800 ekar
Buah-buahan	...	...	3,982 ekar
Tebu	...	...	200 ekar
Rumput ragut	...	...	800 ekar
Kacang soya	...	...	750 ekar
Kacang tanah	...	...	800 ekar
Jagong	...	...	1,100 ekar
Ubi Kayu	...	...	900 ekar
Lain-lain serba tanaman			4,600 ekar

Kementerian Pertanian dan Perikanan Persekutuan mempunyai hubungan yang rapat dengan Kementerian Pertanian, Parit dan Taliair Negeri Sarawak. Beberapa rancangan kerjasama penyelidikan di bawah anjuran Kementerian dijalankan oleh Jabatan Pertanian Negeri bersama-sama dengan MARDI. Saya dapati tiada apa-apa masalah untuk bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Sarawak dan bersedia pada bila-bila masa juga pun untuk memberi nasihat yang dikehendaki oleh Kementerian Pertanian, Parit dan Taliair Negeri demi kemajuan pertanian dan meninggalkan taraf penghidupan kaum-kaum tani.

SEKOLAH DI LUAR BANDAR— MEMPERBAIKI

17. Penghulu Abit anak Angkin bertanya kepada Menteri Pelajaran apakah langkah yang sedang diambil untuk memperbaiki keadaan sekolah-sekolah luar bandar di Sarawak dan menambah peruntukan Kerajaan menjadi \$15 kepada seorang murid

kerana peruntukan \$5 seorang murid telah didapati tidak mencukupi memandangkan belanja hidup yang tinggi sekarang.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Langkah-langkah telah diambil untuk memperbaiki keadaan sekolah di luar bandar di Negeri Sarawak. Pengurusan sekolah-sekolah yang dahulunya di bawah "Local Authority" telah diserahkan kepada Kerajaan pada tahun 1973.

Kajian Setengah Penggal Rancangan Malaysia Kedua telah menambah peruntukan untuk sekolah rendah di Sarawak dari \$7.8 juta kepada \$10.8 juta. Dengan tambahan ini, diharap akan dapat digunakan untuk memperbaiki keadaan sekolah-sekolah yang lama dan di mana-mana perlu akan membina sekolah-sekolah yang baru. Ada juga rancangan-rancangan untuk membina asrama-asrama di sekolah-sekolah di luar bandar.

Berkenaan dengan penambahan peruntukan kepada murid-murid yang tinggal di asrama-asrama sekolah-sekolah rendah di kawasan pedalaman Negeri Sarawak, Kementerian saya membuat cadangan supaya peruntukan itu ditambah dari jumlah \$5 kepada \$10 sebulan. Kementerian saya sedang berikhtiar mendapat wang dari Perbendaharaan.

TANAMAN GETAH

18. Penghulu Abit anak Angkin bertanya kepada Menteri Pertanian dan Perikanan samada beliau akan memberi pertimbangan meneruskan usaha RPS di Sarawak dan membayar RPS yang lama tidak berjelas di Sarawak.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Rancangan tanaman getah yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu adalah Rancangan Kerajaan Negeri Sarawak. Menurut maklumat yang diberi oleh Kementerian Pertanian, Parit dan Taliair Negeri Sarawak dasar Kerajaan Negeri itu berkenaan dengan tanaman getah telah dipinda semenjak Rancangan Malaysia Kedua. Menurut dasar yang baharu Kerajaan Negeri tiada lagi memberi bantuan bagi tanaman getah yang baharu. Rancangan tanaman getah itu telah digantikan oleh Rancangan Mempelbagaikan Pertanian.

Matlamat Rancangan Mempelbagaikan Pertanian itu memperkenalkan dan menggalakkan peladang-peladang kecil menanam jenis-jenis tanaman jangka pendek dan jangka panjang supaya penghidupan mereka tidak bergantung semata-mata kepada pendapatan getah. Sementara itu usaha masih juga dijalankan oleh Jabatan Pertanian bagi memperbaiki mutu pengeluaran kebun-kebun kecil getah.

Kerajaan Negeri Sarawak telah memberi jaminan untuk mengkaji keperluan di bawah Rancangan Mempelbagaikan Pertaniannya itu dari semasa ke semasa tetapi buat sementara itu Kerajaan Negeri tiada bercadang untuk menghidupkan semula dengan memberi bantuan tanaman getah baharu yang diusahakan oleh pekebun-pekebun kecil getah.

BAS DI PULAU PINANG— PENGGUNA

19. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau sedar akan masalah-masalah yang dihadapi oleh pengguna-pengguna bas di Pulau Pinang disebabkan oleh kekurangan bas dan penumpang-penumpang terpaksa menunggu 45 minit untuk mendapatkan sebuah bas, oleh kerana banyak bas digunakan siang dan malam untuk membawa pekerja-pekerja kilang di Bayan Lepas. Jika sedar, apakah langkah-langkah yang diambil untuk menyelesaikan masalah-masalah ini.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Saya sedar akan masalah yang dihadapi oleh pengguna-pengguna bas di Pulau Pinang, lebih-lebih lagi bagi pekerja-pekerja kilang. Untuk mengatasi kesulitan-kesulitan pekerja-pekerja kilang di Bayan Lepas khususnya, Kementerian saya dalam sedikit hari lagi akan mengadakan bas-bas "Pekerja Kilang" dengan bayaran cukai yang murah, dan dengan adanya bas-bas "Pekerja Kilang" ini kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh pekerja-pekerja kilang khususnya dan oleh penumpang-penumpang di Pulau Pinang amnya akan dapat diatasi.

STRAITS TIMES DI SARAWAK— HARGA

20. Tuan Edmund Langgu anak Saga minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menerangkan mengapa senaskah akhbar Straits Times

di Sarawak berharga 45 sen pada hal harganya 25 sen senaskah di Semenanjung Malaysia.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Sukar pada peringkat ini Kerajaan hendak mengambil tindakan walaupun perhatian mengenai hal ini kerana hal ini tidaklah menjejaskan kepentingan negara.

FELDA—TANAH YANG DIMAJUKAN

21. Dr Chu Chee Peng bertanya kepada Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas memandangkan kepada tujuan baru untuk memajukan 179,227 ekar lagi tanah (402,000-233,733) bagi baki tempoh Rancangan Malaysia Kedua oleh FELDA samada Kementerian beliau mempunyai rancangan-rancangan membuat nisbah keluarga-keluarga yang akan ditempatkan mengikut kaum; jika ya, apakah nisbah itu, dan jika tidak mengapa.

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tanah-tanah yang dimajukan oleh FELDA ialah masih tanah-tanah Kerajaan Negeri yang berkenaan. Kerajaan Persekutuan tiada pernah menetapkan apa-apa "ratio" bilangan keluarga mengikut kaum.

TAHANAN-TAHANAN DI KHEMAH TAHANAN BATU GAJAH

22. Tuan Yeoh Teck Chye bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:

- (a) mengapa tahanan-tahanan di Khemah Tahanan Batu Gajah telah mengambil keputusan untuk mengadakan mogok lapar;
- (b) samada benar bahawa pasukan Pencegah Rusuhan telah dikerahkan memukul tahanan-tahanan di Khemah Tahanan Batu Gajah pada 29hb Disember, 1973. Jika ya, berapa orangkah yang telah tercedera dan dimasukkan ke rumah sakit;
- (c) mengapakah saudara mara dan peguam mereka telah tidak dibenarkan melawat mereka; dan
- (d) samada beliau akan menimbang melantik sebuah Badan Siasatan Umum yang bebas bagi menyiasat sebab-sebab berlakunya mogok lapar oleh para tahanan dan keadaan tahanan di dalam Khemah Tahanan Batu Gajah.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Soalan-soalan Ahli Yang Berhormat itu sudah pun dijawab di Dewan ini pada 16hb April, 1974.

JALAN/PARIT DI KEPONG— BAIKI

23. Dr Tan Chee Khoo bertanya kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan samada beliau sedar betapa kotornya keadaan lorong-lorong belakang di kawasan Kepong. Apakah beliau tahu bahawa dua tahun yang lalu ada rancangan pihak Dewan Bandaraya berharga \$100,000 untuk membaiki kawasan Kepong. Jika ya, apakah langkah yang akan beliau lakukan untuk melaksanakan rancangan tersebut.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan (Datuk Ong Kee Hui): Saya sedar bahawa dalam tahun 1972 pihak Jurutera Bandaraya telah membuat suatu anggaran bagi suatu projek untuk membaiki jalan-jalan dan parit-parit di Kepong yang akan memakan belanja sebanyak \$100,000. Permohonan untuk wang ini telah dibuat kepada Kerajaan Negeri Selangor pada masa itu tetapi peruntukan ini telah tidak dapat diluluskan. Oleh yang demikian Dewan Bandaraya tidak dapat menjalankan projek ini. Bagaimanapun seperti yang saya telah terangkan beberapa hari yang lalu, Dewan Bandaraya telah menjalankan pemeriksaan dan kajian bagi kawasan-kawasan yang baru-baru ini dimasukkan ke dalam Wilayah Persekutuan dan sekarang sedang menyusun projek-projek mengikut keutamaannya untuk dilaksanakan.

Pada masa sekarang suatu kumpulan boroh yang mengandungi 18 orang sedang menyelenggarakan kerja-kerja kebersihan di Kepong dan perkhidmatan ini akan dibaiki lagi dari semasa ke semasa.

PELABURAN MODAL/PENGUSAHA DI PORT DICKSON

24. Dr A. Soorian minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bilangan perusahaan-perusahaan, banyaknya pelaburan modal dan pengusaha serta bilangan pekerjaan yang diadakan di Port Dickson tahun ini.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Hussein bin Datuk Onn): Hingga Mac, 1974, sejumlah 7 projek telah diluluskan oleh Kementerian saya untuk ditempatkan di Port Dickson. Sehingga tahun 1971, 5 projek telah diluluskan dan pada awal tahun ini 2 projek lagi diluluskan. Ketujuh-tujuh projek ini melibatkan modal yang dibenarkan sebanyak \$247.3 juta dan jumlah modal yang telah diselesaikan sebanyak \$108.5 juta. Apabila semuanya selesai dilaksanakan, projek-projek ini dijangka memberi peluang pekerjaan kepada 1,433 orang.

PELANCUNG-PELANCUNG KE MALAYSIA

25. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa banyak pelancung-pelancung yang datang ke negeri ini tidak berpakaian sempurna dan biadap dan juga diketahui membawa atau menghisap ganja; jika ya, apakah tindakan-tindakan yang akan diambil terhadap mereka; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang Kerajaan bercadang hendak ambil bagi menghalang pelancung-pelancung seperti ini dari melawat negeri ini supaya jenerasi muda kita tidak terpengaruh dengan perangai dan gaya mereka.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Bilangan pelancung yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidaklah ramai. Tindakan yang sewajarnya sudah pun diambil dan akan terus diambil untuk mengusir mereka keluar dan melarang mereka masuk ke negeri ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA KEMAJUAN TRENGGANU TENGAH (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah: "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (30hb April, 1974).

Perbahasan disambung semula.

3.31 ptg.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak menyambung lagi perbahasan berkenaan dengan Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah.

Semalam saya telah menyatakan rancangan-rancangan serupa ini iaitu rancangan-rancangan tanah ataupun rancangan-rancangan untuk sesuatu projek pertanian hendaklah meneliti bukan sahaja untuk 5 tahun yang akan datang ataupun 10 tahun yang akan datang, tetapi mestilah difikirkan projek itu untuk masa 50 tahun akan datang, bahkan 100 tahun yang akan datang kita tentukan apa yang akan berlaku di tempat itu.

Saya sudah memberi misalan semalam berkenaan jalanraya dari Petaling Jaya ke Batu Tiga, dari Batu Tiga ke Kelang dan terus ke Port Kelang. Pada hari ini kita nampak jalan itu telah sempit, motokar sudah banyak. Bukanlah kesalahan engineer, kerana kalau ada duit dia tahu buat jalan sahaja. Ini salah orang-orang yang merancang jalan itu tidak ada foresight.

Pada hari ini kita dapati jalan-jalan di antara Kuala Lumpur dengan Batu Tiga, ataupun ke Kelang, road reserve tak ada. Ini adalah kesalahan-kesalahan kita. Kesalahan-kesalahan kita itu janganlah terjadi di dalam rancangan-rancangan lain. Begitu juga dalam rancangan-rancangan kita yang lepas, kita selalu dapati tak ada kerjasama (co-ordination) antara satu jabatan dengan yang lain, kurang sangat kerjasamanya. Umpamanya, Talikom dan J.K.R. untuk membuat paip air, cable dan lain-lain. Kita lihat mereka menggali lubang sahaja, sudah digali, ditaruhkan balik alat-alat itu, kemudian dibungkar balik. Saya harap pada masa yang akan datang perkara yang semacam itu tidak akan terjadi lagi. Pada hari ini kita kekurangan wang. Kalau berlaku perkara itu berulang kali, maka tentulah Kerajaan kita yang akan mendapat kerugian dan membazirkan wang rakyat.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Berkenaan dengan tanah. Saya telah menyatakan orang yang lapar tanah pada hari ini cukup banyak sekali. Dalam

Rancangan Lima Tahun Yang Kedua in tujuan Kerajaan hendak mengikis atau membasmi kemiskinan di dalam negeri kita tanpa mengira apa bangsanya, apa ugama dan apa warnanya, asalkan mereka in warganegara negara ini mestilah kita hapuskan kemiskinan, kerana kalau kita meliha orang Melayu sahaja kaya barangkali orang bangsa asing juga marah, kalau bangsa asing kaya kita juga marah. Dengan sebab itu sebagai warganegara kita mestilah menghapuskan kemiskinan, dan dengan adanya kita menghapuskan kemiskinan ini, maka anasir-anasir kominis tidak akan dapat menjalar ke dalam kalangan rakyat.

Pada hari ini banyak betul orang-orang yang tidak mempunyai tanah, dan mereka in tidak ada peluang lagi untuk bekerja d kilang dan sebagainya oleh kerana tenaga mereka tidak dikehendaki lagi oleh kilang itu dan setengahnya ada mempunyai tanah TOI dan untuk mendapatkan TOL ini pun cukup susah. Pada minggu yang lalu saya telah pergi ke Kuala Selangor, dan saya bersamasama dengan Penolong Pegawai Daerah, Kuala Selangor didatangi oleh dua tiga orang Melayu masuk ke dalam pejabat itu hendak membaharui TOL. Mengikut orang-orang Melayu yang masuk ke dalam pejabat itu mengatakan kepada Penolong Pegawai Daerah, Kuala Selangor untuk membaharui TOL pun mesti membayar duit. Bukan hendak membaharui lesen itu kena bayar duit, tetapi untuk rekomen pun terpaksa memberi duit korupsi atau memberi duit teh kepada entah siapa. Perkara ini mestilah disiasat.

Di Sekinchan, ada satu kawasan orang China di sana hendak membaharui TOL, bagi sesebuah rumah terpaksa membayar sampai \$300. Ini telah diberitahu kepada saya di dalam satu mesyuarat. Apa sebabnya rakyat terpaksa membayar begitu? Ini disebabkan rakyat tidak mempunyai tanah dan mereka tidak kira kena bayar asalkan dapat tempat untuk tinggal sementara. Dengan sebab itu, tanah ini adalah penting sekali di dalam rancangan tanah Trengganu ini.

Saya harap pada hari yang akan datang jikalau rancangan ini dibuka, macam mana saya katakan pada hari kelmarin dan juga yang telah dikatakan oleh wakil dari Dungun iaitu 1.4 juta ekar tanah di Pahang adalah diberi kepada swasta dan kepada FELDA kurang daripada itu. Jikalau benar, maka

tujuan Kerajaan untuk membasmi kemiskinan, untuk memberi tanah kepada rakyat ini telahpun, bukan saya katakan gagal, tetapi perjalanan secara ini telah mendapat kegagalan. Pada masa dahulu tanah-tanah ini telah dibekukan dan tidak boleh diberi kepada sesiapa, melainkan rancangan-rancangan Kerajaan sahaja yang boleh dibuka, tetapi wakil dari Dungun mengatakan kelmarin, ini kalau betul, kalau dia salah saya pun salahlah, iaitu 1.4 juta ekar tanah telah diberi. Saya harap pada hari yang akan datang jikalau dibuka rancangan tanah ini, baik Trengganu Tengah, Johor Tenggara atau Jengka Triangle atau lain-lain, maka keutamaan hendaklah diberi kepada rakyat terlebih dahulu, kemudian baharulah permohonan daripada swasta ditimbang untuk membuka hutan untuk bertanam getah ataupun kelapa sawit.

Selain daripada itu, saya juga hendak bercakap berkenaan dengan pekebun-pekebun kecil, kerana pekebun-pekebun kecil ini adalah memainkan peranan yang penting dalam iktisad negeri kita. Boleh dikatakan 60% daripada pengeluaran getah negeri kita ini adalah datangnya daripada pekebun-pekebun kecil, maka Kerajaan mestilah kalau ada tanah-tanah, baik di Trengganu ataupun di lain-lain tempat dipentingkan dahulu kepada pekebun-pekebun kecil ini, kerana pekebun-pekebun kecil kita terutama sekali bumiputra hanya mempunyai 2 ekar tanah sahaja—uneconomical holding. Semasa negeri kita dijajah dahulu kita cuma dibenarkan memiliki 2 ekar sahaja dan setinggi-tingginya 4 ekar, sebab penjajah tidak suka orang Melayu senang. Untuk menambah harta bumiputra ataupun pekebun-pekebun kecil ini jikalau sekiranya dibuka tanah di Trengganu, maka permohonan daripada Persatuan Pekebun-pekebun Kecil ini mestilah ditimbang dahulu, oleh Kerajaan, kerana pada minggu yang lalu Pengerusi Pekebun-pekebun Kecil ada mengatakan ahli Persatuan Pekebun-pekebun Kecil ini seramai 24,000 orang, dan pada masa yang akan datang saya fikir bukan sahaja 24,000 orang, tetapi mempunyai 150,000 orang, sebab borang-borang pun sudah dihantar supaya mereka ini masuk menjadi ahli. Satu pertubuhan yang cukup besar, kuat dan mempunyai sedikit-sebanyak modal bagi membuka tanah-tanah untuk pekebun-pekebun kecil ini, baik Kerajaan Negeri

Pahang, Trengganu ataupun Kerajaan-kerajaan Negeri yang lain mestilah menimbangkan pekebun-pekebun kecil ini terlebih dahulu daripada swasta-swasta yang akan membuka rancangan tanah secara besar-besaran. Sebagaimana saya katakan kelmarin di Trengganu sahaja orang-orang luar iaitu orang daripada Hong Kong, yang bukan warganegara negeri ini, mendapat berpuluh ribu ekar tanah, dan bukan sahaja mendapat beribu ekar tanah dan mendapat keuntungan, maka orang ini telah mendapat pula gelaran "Tan Sri" dan sebagainya. Dengan sebab itu, lebih baiklah disusukan anak sendiri daripada kita susukan kera di hutan, kerana kalau disusukan kera di hutan tidak ada apa gunanya.

Selain daripada itu, saya juga hendak bercakap sedikit-sebanyak berkenaan dengan marketing facilities. Apabila kita membuka satu-satu rancangan tentulah ada tempat hendak dijual benda-benda itu. Saya bersama dengan Setiausaha Parlimen ada pergi ke Afrika dan melawat di satu tempat yang bernama Lilongwe. Sungguhpun orang Afrika belum lagi bertamaddun seperti kita, tetapi di tempat itu mereka menanam bawang besar dan kacang tanah. Pekebun-pekebun kecil di dalam rancangan ini tidak payah membawa ke mana-mana tempat untuk menjual hasil tanamannya, tidak payah ada orang tengah. Semua bahan-bahan yang ditanam oleh mereka dibawa ke satu gudang di mana dilonggokkan di situ dan dibeli oleh syarikat yang ada ditubuhkan, kemudian dibayar duit dia balik. Kita berkehendakkan macam mana marketing facilities yang terdapat di tengah-tengah Afrika dan juga di Taiwan. Petani-petani di Taiwan tidak payah lagi runsing otak mereka berkenaan dengan sayur-sayuran yang ditanamnya, kerana mereka mendapat harga yang tetap dan orang tengah tidak dapat mempermain-mainkan mereka lagi. Jikalau rancangan Trengganu Tengah ini dibuat, maka hendaklah difikirkan benar-benar berkenaan dengan marketing facilities ini.

Saya juga berkehendakkan kilang-kilang di dalam rancangan-rancangan ini bukan dipunyai oleh orang lain, tetapi kilang-kilang ini mestilah dipunyai oleh peserta-peserta sendiri. Di sini apabila dikatakan peserta-peserta sendiri, kita tentulah memikirkan peserta ini di mana hendak mencari wang untuk membuat kilang kelapa

sawit seluas 5,000 atau 8,000 ekar dan belanja untuk mengadakan mesin, bangunan dan sebagainya sekurang-kurangnya memerlukan sebanyak \$5 juta. Daripada manakah datangnya duit ini. Saya cadangkan kepada Kerajaan iaitu untuk meninggikan taraf hidup orang Malaysia ini di dalam rancangan-rancangan ini, maka mereka bukan sahaja untuk mengutip buah kelapa sawit ataupun untuk memotong getah dan dijual, tetapi juga mereka ini mestilah menjadi tuan di dalam rancangan itu. Mereka hendaklah mempunyai kilang, tanah dan juga bekerja di situ. Mereka boleh pinjam daripada Kerajaan, sebab pada masa sekarang kalau dijamin oleh MARA atau dijamin oleh Kerajaan Negeri ataupun dijamin oleh badan-badan yang bertanggungjawab, maka boleh mendapat pinjaman-pinjaman ini. Saya harap pada hari yang akan datang kilang-kilang ini hendaklah dipunyai oleh rakyat yang duduk di situ.

Saya juga mencadangkan kepada Kerajaan iaitu facilities seperti air, letrik dan sebagainya hendaklah dimasukkan dahulu sebelum orang-orang masuk ke dalam rancangan-rancangan ini.

Rakan saya dari Besut akan bercakap juga berkenaan dengan hal ini, oleh sebab dia lebih tahu rancangan di Trengganu ini, maka tidak payahlah saya mengupas lebih dalam lagi. Kerajaan pada hari ini dan hari-hari akan datang hendak membasmi kemiskinan, maka saya harap sangat jikalau ada rancangan-rancangan seperti ini, terutama sekali di Trengganu ini, permohonan daripada peserta-peserta mestilah disegerakan supaya jangan berlaku kelewatan seperti FELDA telah buat, iaitu mereka telah diberitahu mendapat tanah, mereka itu telah menjual basikal buruk, pondok buruk, kambing dan ayam mereka. Apabila semuanya sudah dijual mereka menanti dari sebulan hingga 3 tahun, tidak dipanggil juga. Kalau sekiranya mereka dibuat begitu, maka ini adalah kesalahan yang amat besar oleh kerana mereka bukan sahaja membuang-buang masa tetapi umur mereka telah lewat, maka mereka tidak akan dibenarkan lagi masuk ke rancangan itu oleh Kerajaan.

3.54 ptg.

Tuan Haji Mohamed Yusof bin Mahmud (Temerloh): Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak mengambil bahagian dalam mem-

bahaskan Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah (Pindaan) yang ada di hadapan kita ini untuk menambah satu wakil daripada Kerajaan Pusat bagi mentadbirkan Lembaga ini.

Trengganu Tengah ialah satu kawasan yang saya tahu sangat kaya mengandungi kayu, galian-galian dan juga tempat-tempat yang indah. Dalam memajukan Trengganu Tengah ini yang besar sekali ialah berkenaan dengan pembukaan tanah iaitu mengadakan perusahaan pertanian secara moden dan teratur. Kita tahu Kerajaan ada beberapa agensi-agensi untuk membuka tanah ini, satu daripada agensi yang saya suka mengambil peluang mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Trengganu kerana memberi peluang kepada pekebun-pekebun kecil melalui RISDA sebanyak 6,000 ekar yang telah diluluskan untuk pekebun-pekebun kecil. Tetapi pemberian ini ialah khas kepada mereka yang ada peruntukan tanah kurang daripada 6 ekar yang dikatakan tidak ekonomik. Apa yang saya hendak utarakan pada hari ini selain daripada pekebun kecil yang 6 ekar ke bawah ini ialah pekebun-pekebun kecil yang memiliki 6 ekar sampai 15 ekar, yang berusaha bersungguh-sungguh dan berkehendakkan tambahan tanah 7 ekar ini dapat dipertimbangkan.

Pada masa ini tidak ada diberi satu galakan, bahkan jikalau pekebun-pekebun kecil ini meminta tanah kemungkinan mereka tidak akan dapat, kerana dasar Kerajaan ialah hendak membuka kawasan berluas-luasan, sebagaimana yang dikatakan oleh sahabat-sahabat saya yang telah bercakap terdahulu daripada saya. Pada pengharapan saya dalam kemajuan ini dapat ditimbangkan pekebun-pekebun kecil yang sudah maju, eloklah yang 6 ekar ke bawah ini dapat peluang menambahkan lagi pemilikan tanah dalam kawasan-kawasan ini. Saya tahu di Trengganu pada masa yang lampau, mengikut Undang-undang Tanah Pekebun pekebun Kecil Trengganu Tahun 1947, pekebun kecil minta tanah tidak boleh kurang daripada 6 ekar, jadi kebanyakannya semua 6 ekar. Pada masa ini kebun-kebun mereka telah maju, elok dan baik. Mereka berharap tambahan lagi untuk menyesuaikan diri mereka dengan pendapatan-pendapatan yang lumayan mengikut zaman sekarang.

Berkenaan kemajuan ini, saya percaya Kerajaan telah mengadakan rancangan-rancangannya dari segi pembukaan bermacam-macam perusahaan pembukaan tanah, perlombongan dan juga berkenaan dengan hal tanaman-tanaman. Saya fikir tidaklah boleh kita menumpukan satu-satu jenis tanaman sahaja. Pada hari ini saya perhatikan kita menggalakkan dalam dua jurusan tanaman iaitu tanaman kelapa sawit dan getah sahaja. Saya rasa perkara ini patut ditimbang atas perusahaan-perusahaan lain, sebab kawasan ini juga kawasan yang baik kita membuat perusahaan seperti mengadakan barang-barang makanan untuk ternakan seperti lembu, mengadakan ladang-ladang rumput, mengadakan kilang dan sebagainya. Ini rasa saya satu perusahaan yang baru dalam negeri kita yang kemungkinan dapat kita perbaiki, sebab saya ada membaca lapuran-laporan yang dibuat oleh orang-orang yang pakar dan mengerti iaitu di kawasan Trengganulah tempat yang sesuai untuk mengadakan perusahaan ternakan lembu dan juga mengadakan ladang-ladang rumput yang boleh kita memberi makanan-makanan kepada lembu-lembu itu. Selain daripada memberi makanan dapat juga kita eksport dan mengadakan faktori-faktori dijadikan palate iaitu rumput-rumput ini dimasukkan ke dalam mesin boleh dieksportkan ke luar negeri. Pada hari ini kita boleh impot rumput-rumput high breed iaitu yang mengandungi zat yang tinggi daripada pakar-pakar sains di luar negeri.

Dalam pembukaan tanah ini, saya percaya kita ada peringkat-peringkat supaya tidak lagi dibuka dengan serta-merta dalam satu dua tahun. Ini membolehkan kita supaya mendapat pengalaman. Kita takut adanya kemungkinan. Sungguhpun pakar-pakar menasihatkan kita tempat ini elok membuat satu perusahaan, tetapi dalam satu dua tahun kemungkinannya gagal. Saya fikir kita buat jangka panjang selama 15 tahun, dan perkara ini hendaklah kita jalankan dengan berhati-hati supaya dapat pengalaman dan mendapat nasihat-nasihat yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kemajuan-kemajuan yang dasar besarnya untuk berlumba-lumba bagi mengadakan perusahaan-perusahaan, kita memandang daripada segi kebendaan (material). Saya rasa ini satu perkara yang sungguh baik, bahkan banyak rancangan-rancangan lain

yang telah diwujudkan oleh Kerajaan. Apa yang saya maksudkan pada hari ini sambil kita mengejar kebendaan (material) ini, kita jangan lupa kepada cara-cara mendidik rakyat negeri kita ini dari segi akhlak. Cuba kita lihat negeri-negeri yang besar yang mengejar kemajuan dan kebendaan, apakah yang telah jadi kepada negeri-negeri itu? Bahkan kita dapati mereka ini dari segi akhlak sudah jatuh ke lembah kehaiwanan. Ada undang-undang negeri yang meluluskan bagi mengadakan perhubungan sex beramai-ramai dan mengadakan perhubungan sex sejenis. Saya rasa kita dalam negeri ini sekarangpun bergerak ke arah itu. Kita patut sangat mengambil contoh di negeri-negeri lain yang mengenepikan dari segi akhlak ini, terutama sekali tidak berdasarkan atau berteraskan ugama, bahkan kebaikan negeri-negeri ini ugama untuk nikah kahwin dan mati sahaja, lain tidak. Dari segi ini, sambil kita merebut kemajuan kebendaan (material), kita hendaklah mendidik dari segi keugamaan dan juga dari segi akhlak orang kita.

Saya tahu ada negeri-negeri yang mengejar kebendaan, tetapi dia tegas dalam segi pendidikan akhlaknya, maka negeri-negeri itu mendapat kemajuan yang begitu pesat dalam segi kebendaan, tetapi orang-orangnya teratur dan budi pekertinya baik. Kita tahu ada negara-negara seperti ini yang tidak ada langsung persundalan (prostitution), tetapi mengapa negeri-negeri itu boleh menjalankan pentadbiran seperti itu? Di samping dia mengejar kebendaan, dia mengadakan beberapa banyak kemajuan-kemajuan untuk negerinya, dan dia mengelakkan kemerosotan akhlak di negaranya. Dari segi kemajuan kebendaan ini, janganlah kita lupa pula dalam segi mendidik akhlak, sungguhpun saya tahu pada hari ini kita ada bertindak, tetapi saya pandang ianya tidak begitu pesat. Saya perhatikan pemimpin-pemimpin ugama menyalahgunakan keadaannya; kerana dia hendakkan kebendaan, dia mahukan pendapatan yang banyak. Sungguh mereka berdoa di tempat-tempat yang ada patung-patung yang salah dari segi ugama. Ini sebagai satu contoh. Kita hendak menjaga pemimpin-pemimpin ugama yang juga mengejar hal kebendaan ini, menyalahgunakan keadaan-keadaan ini. Saya harap sambil kita mendapat kemajuan dan meninggalkan akhlak terhadap bangsa kita dan anak-anak muda kita negeri ini dikawal dengan baik dari segi ugama.

4.05 ptg.

Dr Chen Man Hin (Seremban Timur): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, it would appear that the problem of landlessness is not quite yet appreciated by the Government judging by the lack of priority given to landless peasants and owner cultivators or smallholders. Of the thousands of acres opened up for development in the various new land schemes, the greater percentage has been given to private individuals and a very much smaller percentage is shared by settlers and smallholders. From information gathered, for every arable plot of settler land available, there are about ten to fifteen applications. In fact, Mr Speaker, Sir, there are today thousands of peasants and farmers crying out for land to make a living and to free themselves and their families from the malaise of poverty and the clutches of rapacious landlords. There is a need of paramount importance and should take priority over the needs of all other organisations or individuals, even if these people are close friends of the ruling party.

I had personally visited one of the regional land schemes, the Johor Tenggara Project and was briefed and escorted by the courteous and hardworking officers of the Johore Tenggara Board. I discovered that only 45% of the arable land in the project has been allocated for FELDA settlers. The remaining 55% has been reserved for various other projects like Timber Complex, Cattle Rearing and Dairy Farming. The whole Johor Tenggara area comprises an area of about 742,000 acres. It would only take in about 12,000 to 13,000 settler-families, because only 124,000 acres have been reserved for them and yet within the Johor Tenggara area but outside the scope of the Johore Tenggara Board, two large tracts of land of about 5,000 acres each have been alienated to two well-known plantation companies which have tens of thousands of acres of land in other parts of Peninsular Malaysia. This, Mr Speaker, Sir, is ridiculous. In the midst of the nation wide landless problem, why should thousands of acres of land be given to companies who already have much to much? Surely, the wants of the landless peasants come first? A Commission of Enquiry should, therefore, be set-up to study the whole matter of a suitable and equitable land policy and to see that priority is given to landless Malaysians.

Another point, Mr Speaker, Sir, is the question of multi-racial integration in new land development schemes. Care must be taken that in planning new growth centres in the various land schemes, there should, as far as possible, be multi-racial representation at the different sectors of development. In these new projects the opportunities are there to see that a proper start or beginning is made to ensure racial integration and form truly Malaysian communities at the growth centres. There is no basis for the claim that non-Malays are not interested in FELDA Schemes, because it is evident from a study of the applications for land in FELDA Schemes that non-Malay applications are about equal, if not more than Malay applications for land in FELDA Schemes.

A Malaysian breadwinner, when motivated by the need to feed his family, will be prepared to migrate to any part of Malaysia, even to the most distant part of Malaysia if given the opportunity to do so.

Another point, Mr Speaker, Sir, is the question of fair allocation of land. Up to today, the practice of allocating settler plots or smallholding land has been conducted with great secrecy resulting in abuse of power and unfairness. Only those who have ties with the ruling party or who have become members of UMNO, M.C.A, M.I.C. or even P.P.P. are favoured. To prevent such unjust practices from being perpetuated, the following steps must be taken:

- (1) To see that adequate publicity is given when any land scheme is opened and that the public is adequately informed.
- (2) That sufficient application forms be made available to would-be applicants and such forms to be distributed to kampung leaders or even to M.P.s or State Assemblymen. In the past such forms were only available to people who were close friends of the ruling party.
- (3) If there are more applications than available plots, then an open draw at an open public place must be made where those qualified are given a chance to draw their lucky number.

Fairness, Mr Speaker, Sir, in the allocation of land must be ensured as far as possible.

4.10 ptg.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman (Besut): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di dalam Dewan yang mulia ini untuk bersama-sama mengambil bahagian di dalam perbincangan Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah (Pindaan) 1973, yang mana pindaannya adalah sangat kecil yang menghendaki supaya angka "satu" dijadikan "dua" dan sudah dibincangkan di dalam Dewan ini selama dua hari, termasuk hari ini. Pada masa Yang Berhormat Timbalan Menteri kepada Jabatan Perdana Menteri mengemukakan Rang Undang-undang ini di dalam tahun 1973 yang lalu, saya menyebutkan kenapa Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah sahaja yang wakil Kerajaan Persekutuan hanya seorang, tetapi Lembaga Kemajuan Tanah, Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara, dan Johor Tenggara mempunyai dua orang wakil, maka dijawabnya boleh mencukupi dengan seorang sahaja, kerana memikirkan keadaan-keadaan di Trengganu itu barangkali tidak perlu kepada wakil Kerajaan Pusat berada dua orang di dalam Lembaga itu.

Alhamdulillah, pada hari ini hendak ditambah "dua" orang supaya jadi sama seperti Lembaga Pahang Tenggara dan Johor Tenggara. Baru sekejap tadi wakil dari Seremban Timur, yang juga Ketua Pembangkang D.A.P., bercakap di dalam Dewan ini mengenai dengan Rang Undang-undang ini. Sambil bercakap mengenai dengan Rang Undang-undang ini telah menyentuh dengan diulang-ulang beratus-ratus kali terdahulu daripada ini, dan sampai kepada hari ini bahawa orang-orang yang pernah mendapat tanah hasil daripada usaha Kerajaan yang ada pada hari ini ialah ahli-ahli UMNO, ahli-ahli M.C.A., ahli-ahli M.I.C. Seolah-olahnya di dalam Malaysia kita ini, inilah orang-orang yang kaya sekarang ini, sesudah Perikatan memerintah ataupun dengan adanya Kerajaan Campuran pada hari ini memerintah. Kalau benar begitu, saya agak wakil-wakil D.A.P. yang datang ke Dewan ini naik basikal dan tidak menggunakan kereta-kereta Mercedes datang ke Dewan yang mulia ini, hanyalah wakil-wakil UMNO, wakil-wakil M.C.A., wakil-wakil M.I.C. sahaja yang menggunakan kereta Mercedes 200D ataupun lebih daripada itu. Tetapi saya nampak mereka ini lebih jutawan daripada ahli-ahli UMNO, ahli-ahli M.C.A. dan ahli-ahli PAS, cuma yang dia

menyebutkan perkataan ini kerana barangkali sudah tidak ada modal. D.A.P. sedang berpecah sekarang ini hendak mencari pengaruh sedikit, mengambil peluang kepada Bill ini dikait-kaitkan perkara yang seperti itu. Saya berpendapat Rang Undang-undang ini tidak kena-mengena dengan masalah hendak memberi kepada ahli-ahli UMNO, M.C.A. atau M.I.C. Ini hanya hendak ditambah "satu" kepada "dua" sahaja. Sekarang biarlah saya sentuh kepada Rang Undang-undang ini secara tepat.

Seperti rakan-rakan saya dua hari yang lepas yang telah bercakap di dalam Dewan ini bahawa di Malaysia kita ini sudah ada tiga rancangan raksasa seperti ini yang mula-mulanya ialah Pahang Tenggara, yang kedua Johor Tenggara, dan yang ketiga ialah Rancangan Trengganu Tengah; tidak Trengganu. Luasnya ialah setengah juta ekar lebih kurang, kalau dikira-kira 1/3 daripada keluasan negeri Trengganu. Yang pertama sekali, saya suka bagi pihak rakyat negeri Trengganu menyampaikan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Pusat, terutama sekali kepada Perdana Menteri dan Menteri-menteri yang lain yang telah bermurah hati untuk menjayakan Rancangan Trengganu Tengah ini sebanyak \$2 juta di dalam tempoh 3 tahun. Jikalau tidak dengan peruntukan ini haruslah Kerajaan Trengganu menghadapi berbagai-bagai kesukaran di dalam menjayakan rancangan ini, perbedaannya cuma kalau hendak dibandingkan dengan Pahang Tenggara, barangkali Pahang Tenggara tidak diberi cara grant begitu, dia beri cara lain, itu tidak mengapalah kerana Pengerusinya barangkali lain daripada yang lain. Tetapi Trengganu dia beri \$2 juta secara grant.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan tahniah kepada Lembaga ini yang telah memilih seorang Pegawai Tadbir yang sangat-sangat cekap menjadi pengarah kepada Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah ini, kerana jika difikirkan daripada apa yang ada dalam Negeri Trengganu, pengarah yang ada sekarang ini sangat-sangatlah baik dan berkalibar orangnya dan patut mendapat sokongan serta sanjungan daripada semua pihak. Dan kita mempunyai kepercayaan bahawa rancangan Trengganu Tengah ini boleh mencapai kejayaan, kalau pengarah yang ada sekarang ini dapat dikekalkan dengan kedudukannya yang ada.

Saya dapat faham Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah yang merupakan rancangan yang ketiga ini menjadi pertanyaan kepada orang Trengganu sekarang ini, sebab kalau kita pergi melihat kepada Rancangan Johor Tenggara bukan sahaja di atas kertas yang dapat kita lihat, tetapi kita dapat lihat benda-benda yang sudah dibuat. Begitu juga kalau kita pergi ke Johor Tenggara, kita juga dapat melihat kemajuan di sana serta secara kebetulan berhampiran pula dengan Jengka Tiga Segi dan ini memberi penuh keyakinan kepada kita. Tetapi apabila kita pergi kepada Rancangan Trengganu Tengah, agak gelap sedikit barangkali boleh jadi anak yang bungsu, anak yang ketiga, maka bantuannya barangkali lambat sedikit, kerana dari pengalaman yang saya tahu, dari apa yang diberitahu kepada saya iklan sudah berkali-kali dikeluarkan untuk mendapatkan pegawai-pegawai seperti Jurutera Awam, Pegawai Perancang dan Jurukur tidak mendapat sambutan. Dan ini merupakan kerumitan yang benar-benar dihadapi oleh Lembaga Kemajuan Tenggara Tengah, kerana kalau pegawai-pegawai ini tidak dapat diberi pinjam atau tidak dapat dicari, maka sudah tentu rancangan ini akan menghadapi masa depan yang gelap. Nyawa Kerajaan Trengganu dan keutuhan Kerajaan Trengganu adalah bergantung kepada Rancangan Trengganu Tengah ini. Dengan sebab itu, saya ucapkan banyak-banyak terima kasih kepada pihak yang bertanggungjawab dengan Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah ini yang telahpun membuat perkiraan pergi ke Jakarta, ke Manila dan ke Bangkok mencari pegawai-pegawai ini cara pinjam atau cara mana bagi memenuhi kekosongan yang sangat-sangat diperlukan ini.

Saya dapat faham juga jika kita tidak dapat di kawasan dalam negara-negara ASEAN kita akan pergi pula ke negara Eropah dan ini juga satu perkara yang sangat-sangat baik, yang begitu kuat diberi perhatian oleh Kerajaan Pusat sesuai dengan apa yang pernah disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa negeri Trengganu adalah anak bungsu kepada Perdana Menteri sendiri. Tidaklah lama dia menyebutkan, baharu sebulan lepas, disebutkan di Kemaman bahawa Trengganu adalah anak bungsu kepada Perdana Menteri sendiri.

Untuk membolehkan anak bungsu kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini akan melahirkan Rancangan Trengganu Tengah ini bukan sahaja di atas peta, bukan sahaja di atas kertas, tetapi dapat dipandang dengan mata kasar dan dapat dirasai nikmatnya dan dapat dibuktikan dengan sejelas-jelasnya maka saya harap kepada semua pihak dapat memainkan peranan yang lebih-lebih berkesan untuk memastikan kejayaan rancangan ini.

Pada masa ini saya dapat faham di dalam Rancangan Trengganu Tengah ini hanyalah yang ada staff di dalam pejabat sahaja lebih kurang 40 orang, dengan Pengarah, Penolong Pengarah, kerani lebih kurang dan ada pegawai ekonominya.

Kemudian satu perkara yang membimbangkan, tadi baharu sekejap Ahli Yang Berhormat dari Temerloh yang secara kebetulannya ialah Yang di-Pertua Persatuan Kebangsaan Pekebun Kecil mengucapkan terima kasih kerana di dalam rancangan ini telah diberi sebanyak 6,000 ekar tanah menerusi RISDA untuk pekebun kecil, tetapi yang membimbangkan, Tuan Yang di-Pertua, kawasan 6,000 ekar yang diberi kepada RISDA ini agak-agaknya kalau suatu rancangan yang hendak dibuat ampangan besar berhampiran di kawasan itu jadi di dalam kajian yang sedang dilakukan selama mulai daripada sekarang memakan masa 35 bulan lagi terlibat maka ada sebahagian daripadanya yang akan tergendala. Saya sebutkan begini, supaya perkara-perkara ini dapat diambil perhatian daripada sekarang sekira-kira kawasan yang diperuntukkan kepada pekebun kecil menerusi RISDA sebanyak 6,000 ekar itu benar-benar dapat dicari tempat lain kalau tempat yang ada sekarang ini menyebabkan tenggelam akibat daripada suatu ampangan yang besar yang akan dibuat di kawasan berhampiran dengannya.

Baharu sekejap tadi, saya dengar sahabat baik saya yang sebelah sini, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor, dia quote daripada ucapan sahabat yang jauh sedikit daripada Dungun, yang mengatakan bahawa Rancangan Trengganu Tengah ini ada beri tanah kepada orang-orang asing, beribu-ribu ekar dan ini tidak patut. Saya kaji di sini, dan apa yang saya dapat faham Trengganu Tengah tidak buat begitu. Apa yang saya dapat faham, Trengganu Tengah

ini ada buat joint-venture ataupun perkongsian bersama dengan badan-badan berkanun seperti FELCRA ataupun pekebun kecil tadi menerusi RISDA ataupun FELDA hendak masuk ke situ, tidaklah seperti yang berlaku di Johor di zaman sebelum daripada Johor Tenggara dahulu iaitu ada beri kepada satu syarikat luar negeri buat ladang gula. Itu bukan berlaku dalam Negeri Trengganu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyatakan di dalam Dewan ini bahawa kalau pihak Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah ini sudahpun banyak mempelawa orang-orang memasuki ke dalam kawasan ini mengambil bahagian secara besar-besaran dan nampaknya sambutan daripada bumiputra agak dingin sedikit. Ini bukannya masalah bumiputra tidak berani masuk ke kawasan ini. Yang sebenarnya bumiputra macam saya katakan tadi, oleh kerana keadaan-keadaan yang terlibat dengan kekurangan pegawai-pegawai yang dihadapi oleh Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah tadi maka pihak swasta bumiputra sendiri pun merasa bimbang hendak memasuki ke dalam rancangan ini secara besar-besaran sebagai joint-venture dengan agensi-agensi Kerajaan.

Walau bagaimanapun, saya dapat faham pagi tadi pihak Lembaga Pertubuhan Peladang telah memberanikan diri meminta kawasan itu sebanyak 10,000 ekar untuk dibuat satu projek menanam kelapa sawit dan saya harap pihak Lembaga ini akan dapat memberi pertimbangan.

Perkara yang akhir, yang saya suka sentuh ialah masalah yang seperti saya katakan tadi. Kita ada tiga rancangan. Mula-mula Pahang Tenggara, yang kedua Johor Tenggara, yang ketiga Trengganu Tengah.

Saya bimbang oleh kerana ketiga-tiga rancangan ini merupakan rancangan raksasa dan tenaga-tenaga pegawai seperti yang saya sebutkan tadi juga dialami oleh Pahang Tenggara, Johor Tenggara dan Trengganu Tengah. Saya khawatir kalau dibuat perkiraan bahawa yang dahulu didahulukan, yang kemudian sedikit dikemudiankan sedikit dan rancangan yang kemudian sekali—Trengganu Tengah dikemudiankan sekali di dalam pembahagian pegawainya maka sudah tentulah Rancangan Trengganu Tengah akan malap. Seperti yang pernah

diberitahu oleh semua Menteri bahawa Negeri Trengganu kalau silap gayanya, akan menjadi sebuah negeri yang mundur di tengah-tengah negeri lain maju. Negeri Pahang dengan pelabuhannya; sudah ada di Kuantan dan lain-lain lagi, negeri Kelantan dengan Leboh Rayanya, yang akan pergi ke Pantai Barat maka Negeri Trengganu duduk di tengah-tengah. Barangkali itu sebabnya dinamakan Rancangan Trengganu Tengah, duduk di tengah-tengah. Saya khawatir kalau tidak dijaga dengan baik Trengganu Tengah akan tinggal atau seluruh Negeri Trengganu akan tertinggal di tengah-tengah orang lain maju dia mundur di tengah-tengah.

Kalau ini terjadi, amatlah malangnya bagi orang Trengganu termasuklah saya sendiri yang ada di dalam Dewan ini. Dengan sebab itulah, saya meminta di atas asas bahawa Negeri Trengganu setiap tahun menghadapi kekurangan wang di dalam perbelanjaan tahunannya lebih daripada negeri-negeri lain. Kalau hendak dibandingkan dengan Negeri Pahang, dengan Negeri Johor tentulah Trengganu amatlah kurang wang. Sebab kalau saya baca suratkhbar tadi, Negeri Johor hendak buat satu pesta—\$20,000,000 hendak dibelanjakan. Dalam masa inflasi ini Negeri Johor hendak belanja banyak juga, itu menunjukkan dia banyak duit. Negeri Pahang pun kaya dengan kayu-kayan; juga dia banyak duit.

Saya minta di atas dasar keadilan, di atas rasa belas kasihan kepada rakyat, yang miskin kepada Kerajaan yang miskin, Kerajaan yang diakui anak bungsu kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri walaupun Trengganu Tengah ini lahirnya kemudian sekali, biarlah beri priority yang utama kepada yang baharu ini supaya dia tidak tercicir di tengah-tengah projek lain yang maju. Kalau itu dapat diberi pertimbangan, saya bersyukur ke hadrat Allah di dalam Dewan yang mulia ini dan seluruh rakyat Negeri Trengganu menyampaikan junjung kasih, jutaan terima kasih kepada Kerajaan Pusat dan inilah yang diminta oleh rakyat Negeri Trengganu supaya saya sampaikan kepada Kerajaan di dalam Dewan yang mulia ini.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Walau bagaimanapun, saya tidak menafikan apa yang telah diberi selama ini cuma

ibarat kata orang kalau boleh lagi hendak minta kalau sudah tidak boleh apakan daya lagi. Selagi pintu tobat ini belum ditutup maka kita boleh meminta tobat selagi pintu rezki ini belum ditutup terpaksa kita meminta rezki sebagai orang yang memohon. Inilah yang saya kata, sebab saya dapat faham pintu rezki ini masih terbuka dan pihak Kerajaan Pusat boleh memberi rezki seperti ini kepada Kerajaan Negeri Trengganu atas asas-asas yang tertentu, kerana keadaan negeri Trengganu sekarang ini berlainan daripada yang lain yang saya tidak payah sebutkan di dalam Dewan ini. Silap gayanya Negeri Trengganu akan bertukar corak, kalau bertukar corak daripada "A" kepada "B" boleh tahan, saya bimbang dan takut bertukar corak daripada "A" kepada "Z" terus. Kalau dari "A" kepada "Z", tentulah jauh tetapi kalau "A" kepada "B" boleh tahan. Jadi sekali lagi saya merayu sungguh-sungguh di dalam Dewan yang mulia ini semoga apa yang saya cakapkan ini dapat pertimbangan dan apa yang telah di sebutkan oleh pihak Pembangkang sebagai Pengerusi kepada Parti DAP dan Wakil dari Seremban Timur tadi saya harap tidak payah di sebut berulang-ulang kali lagi di dalam Dewan ini, kerana cakapan-cakapan yang seperti ini menyakit hati orang yang mendengar. Seolah-olah Parti itu benci benar kepada orang Melayu. Kalau Parti itu merasa benci benar kepada orang Melayu, saya rasa ada sebuah negeri yang paling sesuai dengannya balik sahaja-lah ke tempat yang ramai orang yang sama denagn beliau, tidak usahlah duduk di Malaysia ini tempat yang ada orang Melayu, kerana kalau berulang kali duduk bercakap dalam Dewan ini menimbulkan perasaan benci kepada orang Melayu, saya khuatir, Tuan Yang di-Pertua.

Dahulu dalam Dewan ini Ahli Yang Berhormat dari Dato' Kramat telah menimbulkan masalah-masalah yang hampir sama. Ahli Yang Berhormat dari kawasan Batu juga telah menimbulkan perasaan yang hampir sama. Saya juga telah meminta dalam Dewan ini supaya kedua-dua ucapan mereka itu dikaji di bawah perkara sensitif. Samada boleh atau tidak, saya belum pernah dengar jawapan daripada Yang Berhormat Menteri di dalam Dewan ini. Tetapi saya berasa bimbang, sebab demam ataupun bahang pilihanraya, penyakit pilihanraya ini

sudah dekat—maklumlah kita mengundi dahulu pada tahun 1969.

Tuan Yang di-Pertua: Ini sudah menyeleweng!

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Tidak, saya hendak menamatkan ucapan saya, Tuan Yang di-Pertua.

Memandangkan hampir dekat dengan pilihanraya ini walaupun tempoh permit kita tamat pada 9hb Februari, 1976, tetapi masing-masing sudah agak-agak lambat atau cepat, bilakah, esok atau lusa. Jadi saya nampak ucapan di dalam Dewan ini pun sudah serupa seperti ucapan-ucapan di dalam tahun 1969 atau tahun 1968 sewaktu kita menghadapi pilihanraya dahulu. Saya kuatir, daripada suara-suara sumbang di dalam Dewan ini kita akan mengalir darah lagi sekali dan ini kita tidak rela berlaku di dalam tanahair kita. Inilah harapan saya yang sungguh-sungguh kepada pihak Pembangkang daripada DAP. Kalau mereka sudah berpecah, surrender sahaja. Cakapan mereka sudah tidak laku, bertanding sana kalah bertanding sini hilang deposit, berpecah sesama sendiri, tamat setakat itu, dan tidak usah timbulkan lagi masalaah dengki sana dan dengki sini.

4.35 ptg.

Tuan Haji Shafie bin Abdullah (Baling): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini. Rancangan pembukaan Lembaga Kemajuan Tanah Trengganu Tengah ini tentulah dibuat setelah Kerajaan memandang kepada kejayaan pembukaan rancangan-rancangan kemajuan tanah untuk faedah rakyat umum. Ada beberapa perkara yang dapat saya kemukakan untuk menjadi kajian pihak Kerajaan untuk bertindak daripada pembukaan tanah seperti ini. Saya bercakap ini, ialah daripada asas-asas yang saya dengar, saya dapati dan saya lihat di dalam Kemajuan-kemajuan tanah yang

Ada satu perkara yang pada ingatan saya harus dititikberatkan oleh pihak Kerajaan dalam pembukaan tanah yang sebesar begini iaitu berkenaan dengan kerjasama di antara pegawai-pegawai dengan peserta-peserta yang akan diambil masuk di dalam rancangan tanah ini. Pemilihan pegawai-pegawai untuk ditempatkan di dalam

rancangan ataupun di dalam Lembaga Kemajuan Tanah yang besar begini hendaklah dibuat dengan begitu teliti dan begitu baik. Sebabnya perhubungan di antara pegawai-pegawai dengan peserta-peserta itulah yang akan membawa kepada kejayaan dalam satu-satu rancangan tanah yang besar begini. Dasar flexible di antara pegawai dengan peserta-peserta adalah satu perkara yang sangat mustahak daripada pembukaan tanah yang begini, bukannya pegawai-pegawai dikehendaki menjalankan dasar ataupun tugas-tugas dengan begitu rigid sehingga sampai membuatkan peserta-peserta ataupun yang mengambil bahagian di dalam rancangan-rancangan tanah itu bosan dan membuatkan mereka tidak hirau atau tidak berat dalam tujuan-tujuan yang seperti itu. Saya berharap Kerajaan hendaklah mengambil berat di dalam perkara ini.

Yang keduanya, saya ingat kalau dapat sebabnya rancangan tanah sebagaimana yang telah dibuat ini ialah satu kawasan yang baru yang akan mengubah bentuk dan hendak menyampaikan cita-cita Kerajaan menjadikan rakyat yang berdikari dan rakyat yang baik dan lain-lainnya. Maka di dalam rancangan-rancangan tanah ini hendaklah dimasukkan atau disertakan dengan banyak lagi Jabatan-jabatan Kerajaan ataupun agensi-agensi Kerajaan yang selama ini tidak mengambil begitu aktif dalam rancangan-rancangan tanah. Apa yang saya maksudkan ialah agensi-agensi Kerajaan seperti Tabung Haji yang boleh memainkan peranan yang banyak ataupun di kalangan peserta-peserta dalam rancangan tanah ini. Banyak peserta-peserta di dalam rancangan-rancangan tanah yang telah dibuka oleh Kerajaan itu tidak berapa hirau berkenaan dengan tujuan Kerajaan mengadakan Tabung Haji dan tidak banyak yang menyimpan dalam Tabung Haji walaupun seruan-seruan telah dibuat. Kalau dapat perkara ini ditekankan lebih lagi maka itu akan memberi faedah kepada peserta-peserta. Pembelian shares atau saham-saham sebagaimana yang dibuka oleh Kerajaan dalam negara kita pada hari ini hendaklah diberitahu, dimaklumkan dan digalakkan kepada peserta-peserta rancangan untuk mengambil bahagian dan begitu juga Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain seumpama Jabatan Kebudayaan, Belia dan Sukan hendaklah mengambil peranan yang banyak juga di dalam mendirikan ataupun membina keadaan-keadaan peserta

dan anak-anak mereka di dalam rancangan-rancangan tanah ini. Saya tidak nampak banyak daripada Jabatan-jabatan seperti ini mengambil bahagian di dalam rancangan-rancangan ini. Sebagaimana yang telah disebutkan oleh dua tiga orang rakan saya dalam Dewan tadi iaitu berkenaan dengan penyertaan ataupun pengambilan bersama-sama jabatan-jabatan seperti Jabatan Haiwan yang boleh menggalakkan ataupun memberi pelajaran kepada peserta-peserta rancangan kita di dalam hal pembelaan, ternakan dan lain-lainnya. Tidak ada satu galakan dibuat kepada ahli-ahli ataupun peserta-peserta rancangan kita di dalam bidang ini. Seelok-eloknya Jabatan Haiwan menjalankan tekanan ataupun mengambil bahagian bersama-sama di dalam pembangunan rancangan tanah ini, alangkah baiknya iaitu tiap-tiap peserta di dalam rancangan tanah ini selain daripada pandai ataupun selain daripada maju berkenaan dengan pembukaan tanah, mereka juga maju dalam perusahaan seperti ternakan dan lain-lainnya. Ini adalah memberi kebaikan kepada mereka dan menambahkan pendapatan kepada mereka. Juga Jabatan Kerjasama. Saya tidak nampak banyak Jabatan Kerjasama yang mengambil bahagian di dalam rancangan-rancangan tanah. Kalau boleh seperti keadaan sekarang ini ataupun yang telah lepas itu atau sedikit masa yang lalu, bila harga getah telah naik dan peserta-peserta dalam rancangan tanah poketnya berisi wang sedikit, maka kadang-kadang wang mereka itu digunakan dengan tidak begitu hirau ataupun tidak begitu tepat. Kalau sekiranya Jabatan Kerjasama ataupun pihak-pihak persatuan peladang mengambil bahagian di fungsi kerjasama, maka tentulah mereka dapat menyimpan wangnya untuk masa hadapan mereka. Saya berharap mengadakan kursus khas kepada peserta-peserta dalam rancangan-rancangan tanah seperti yang ada ini.

Satu lagi perkara yang patut dititikberatkan sebagaimana kita tahu dalam rancangan tanah dan mungkin dalam Lembaga Kemajuan Tanah yang besar begini peserta-peserta ataupun orang-orang yang bekerja dalam rancangan tanah itu akan bertungkus-lumus bekerja daripada pagi sehingga sampai petang dengan berbagai-bagai tugas. Anak-anak kecil mereka ditinggalkan di rumah-rumah, Kerajaan patut mengadakan kindergarten di dalam rancangan-rancangan

tanah seperti itu supaya anak-anak ini dapat pendidikan yang baik, sebagaimana yang didapati di ladang-ladang getah Eropah yang terdapat dalam negara kita pada hari ini. Kindergarten seperti itu tidak pernah ternampak dalam rancangan kemajuan tanah Kerajaan pada hari ini. Dengan adanya Kindergarten ini anak-anak peserta akan dapat disatukan dan dibela dengan baik, sementara ibubapa mereka menjalankan tugas masing-masing di dalam panas dan hujan.

Saya juga menyokong pendapat Yang Berhormat dari Temerloh berkenaan dengan akhlak yang harus dititikberatkan pada hari ini terhadap peserta-peserta dalam rancangan-rancangan. Syarahan-syarahan dari guru-guru agama dan lain-lain patut diadakan dengan banyak di dalam rancangan tanah itu supaya pembangunan akhlak, pembangunan agama dan kenegaraan dapat diisikan dalam tiap-tiap dada peserta supaya mereka ini menjadi sebagai seorang warga-negara ataupun rakyat yang betul-betul baik dan mempunyai masa hadapan yang cukup cerah, dan juga akan dapat membayangkan kepada anak-anak mereka bahawa ibubapa mereka itu dari kalangan orang yang taat setia kepada Kerajaan. Itulah sahaja perkara yang dapat saya sampaikan kepada Kerajaan untuk bertindak.

4.44 ptg.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap dengan panjang lebar memberikan pendapat, pandangan, teguran dan juga bidasan yang telah dilemparkan di dalam Dewan ini. Sebenarnya, rancangan atau projek raksaksa Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah ini adalah satu kawasan yang meliputi kira-kira 1 juta ekar yang diberi oleh Kerajaan Negeri Trengganu kepada Lembaga ini. Di antara satu juta ekar itu lebih kurang 300,000 ekar telahpun didapati sesuai untuk projek-projek pertanian; yang selebihnya itu ialah ada gaung-guntung, bukit bukau dan gunung ganang dan ada kemungkinan satu masa kelak dapat digunakan bagi projek-projek lain yang ekonomik. Pelan induk bagi projek ini telahpun dan sedang disediakan oleh satu Jurutera Perunding yang juga dianggotai

bersama dan pendapat yang akan diberikan oleh jurutera-jurutera tempatan sendiri supaya dapat disesuaikan dengan keadaan alam dan juga keadaan yang meliputi kehendak-kehendak rakyat di negara kita ini, terutamanya kehendak rakyat Trengganu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang Ahli telahpun membangkitkan soal penyertaan bumiputra dalam kawasan Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah dan juga soal penyertaan modal-modal asing dalam projek pertanian yang akan dijalankan di kawasan ini. Mereka juga ada membangkitkan soal peranan agensi-agensi Kerajaan dalam pembukaan kawasan pertanian di kawasan itu. Sebenarnya, tidak semua kawasan-kawasan untuk projek pertanian telah diperuntukkan kepada agensi-agensi Kerajaan sahaja seperti FELDA, FELCRA, RISDA dan lain-lain. Sungguhpun kawasan-kawasan itu telah diperuntukkan kepada agensi-agensi ini, tetapi masih ada lagi kawasan-kawasan yang diperuntukkan kepada pihak swasta. Yang sebenarnya, Lembaga ini telahpun meluluskan beberapa permohonan daripada pihak swasta untuk mengadakan projek pertanian dan dalam meluluskan permohonan-permohonan ini, Kerajaan tetap memandang penyertaan bumiputra adalah salah satu perkara yang diutamakan dan diperhatikan dengan berat. Jika ada modal-modal asing yang terlibat, maka penyertaan bumiputra dalam projek-projek mereka adalah dijadikan syarat yang mesti dipatuhi. Tidakkah benar untuk mengatakan penyertaan bumiputra dalam mengadakan projek pertanian di kawasan itu adalah tersekat. Lembaga ini sentiasa mencari jalan untuk memperbanyakkan perusahaan pertanian yang dijalankan sendiri oleh bumiputra dengan sepenuhnya. Sungguhpun begitu, ada terdapat dalam beberapa projek yang tertentu yang berkehendakkan modal dan pengetahuan teknikal yang masih belum dapat diadakan oleh bumiputra, modal-modal asing adalah diterima tetapi ditentukan syarat-syarat yang ketat untuk menentukan penyertaan modal tempatan pemodal khasnya, penyertaan bumiputra dalam projek mereka adalah menjadi syarat.

Beberapa Ahli Yang Berhormat telah juga membangkitkan soal mengadakan bandar-bandar dan kemudahan-kemudahan yang akan diperlukan oleh pekerja-pekerja projek dan juga penduduk-penduduk di kawasan

Lembaga ini. Yang sebenarnya, dalam perancangan kawasan ini soal ini adalah dititikberatkan rancangan-rancangan sedang dibuat untuk mengadakan bandar-bandar baru dengan segala kemudahan-kemudahan yang diperlukan untuk penduduk di kawasan itu mengecap nikmat pembangunan yang akan diperolehi melalui rancangan projek-projek pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, soal membuka tanah dan merancang untuk pembangunan daerah ini atau di rantau ini adalah tetap dititikberatkan soal-soal yang berhubung dengan dasar dan juga keseimbangan yang terkandung dalam dasar dan bentuk ekonomi baru Kerajaan, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum. Walaupun begitu, Ahli-ahli Yang Berhormat mempunyai hak dan mempunyai tanggungjawab terutama sekali Wakil-wakil Rakyat dari Trengganu khusus-

jika penyelewengan berlaku, maka Ahli Yang Berhormat bolehlah membawa soal ini samada dalam Dewan ini ataupun kepada pihak yang bertanggungjawab.

Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara telah menyuarakan samada baik segala kuasa-kuasa Lembaga ini diberi sepenuhnya kepada Lembaga sahaja untuk membuat keputusan tentang projek-projek pembangunan di kawasan itu. Beliau mencadangkan supaya kuasa-kuasa sepatutnya juga diberi kepada Kerajaan Negeri menjalankan peranan bersama dalam usaha-usaha memajukan kawasan tersebut. Yang sebenarnya sungguhpun Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah ini sebuah Lembaga atau perbadanan Kerajaan persekutuan, tetapi dalam menjalankan tugas-tugas untuk me-

Kerajaan Negeri adalah sentiasa ada dan dalam beberapa aspek yang tertentu kuasa-kuasa Kerajaan Negeri masih ada lagi untuk mempengaruhi perkembangan-perkembangan dan kemajuan-kemajuan kawasan Lembaga ini.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah menyentuh soal penanaman tebu yang beliau telah menyebutkan penanaman tebu yang dikatakan tidak menguntungkan di Johor, Perak dan Negeri Sembilan. Sebenarnya sehingga setakat ini permohonan untuk menanam tebu masih belum diterima, tetapi pihak Lembaga sentiasa mengingat akan hal ini dan kemungkinan untuk permohonan

tanam tebu adalah tidak dapat ditimbangkan sekiranya tidak ada satu-satu projek yang benar-benar boleh menguntungkan.

Ahli Yang Berhormat dari Dungun telah menyoal peranan Lembaga yang mengatakan tidaklah patut peranan Lembaga ini terhad kepada tugas-tugas untuk menyelaraskan pembangunan di kawasan itu sahaja. Yang sebenarnya peranan Lembaga ini bukanlah semata-mata kepada kerja-kerja untuk menyelaraskan, khasnya untuk meluluskan tanah-tanah dan kemudian memungut hasil-hasil sahaja. Peranannya adalah lebih besar daripada itu iaitu untuk memajukan dan mengawal semua proses-proses pembangunan dalam kawasan ini. Lembaga ini juga diberi kuasa untuk mengambil bahagian dalam projek-projek yang akan diadakan dan jika difikirkan dengan cara Lembaga ini mengambil bahagian dalam projek itu pengawasan dan kawalan yang lebih efektif dapat dicapai.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah mencadangkan supaya sebuah lembaga atau perbadanan yang baru hendaklah ditubuhkan di kawasan pembangunan wilayah seperti di kawasan Trengganu Tengah untuk membuka tanah-tanah dan mengadakan projek-projek pertanian untuk dijual kepada bumiputra atas asas yunit untuk membolehkan bumiputra mengambil bahagian bersama dalam perusahaan-perusahaan. Beliau mencadangkan satu perbadanan yang boleh dipanggil Lembaga Amanah Ladang Rakyat hendaklah ditubuhkan untuk menjalankan peranan ini. Sebenarnya penyertaan bumiputra boleh dibuat melalui institusi-institusi yang ada sekarang seperti Persatuan-persatuan Peladang, Syarikat-syarikat Kerjasama, Persatuan Bekas-bekas Perajurit dan juga Bekas Polis atau Polis Besara untuk mengambil bahagian bersama-sama dalam projek pertanian dengan cara menjadi ahli-ahli dalam persatuan-persatuan atau syarikat-syarikat kerjasama ini.

Dalam kawasan Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah berpuluh-puluh ribu ekar tanah telahpun dikhaskan untuk Persatuan Peladang dan Persatuan Bekas Anggota Tentera untuk mengadakan ladang kelapa sawit. Sungguhpun pada masa ini bumiputra yang tidak menjadi ahli dalam institusi ini yang disebutkan itu masih belum dapat membeli yunit-yunit syer dalam ladang-ladangnyanya, tetapi bumiputra yang ada

kemampuan untuk mengadakan projek pertanian secara besar-besaran adalah digalakkan dan Kerajaan sentiasa memberi kemudahan-kemudahan kewangan dari institusi-institusi kewangan yang ada sekarang khususnya Bank Pertanian untuk mengadakan modal dan membantu bumi-putra dalam pengurusan projek pertanian yang sah. Sungguhpun begitu, cadangan Ahli Yang Berhormat untuk mengadakan satu badan khas yang disebutkan tadi itu adalah baik dan perkara ini akan diberi pertimbangan samada masih lagi diperlukan oleh sebab telah ada peluang-peluang yang telah saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor telah meminta supaya FELDA diberi kewangan yang lebih untuk menjalankan peranan pembangunan yang lebih positif dan lebih pesat lagi kerana ada permohonan-permohonan yang mahu menyertai projek FELDA masih tidak dapat diberi peluang dan mereka terpaksa menunggu bertahun-tahun. Sebenarnya FELDA ada kebolehan kewangan dan sebagainya untuk membuka projek dengan lebih pesat lagi. Di bawah Rancangan Malaysia Kedua, FELDA akan membuka lebih kurang 400,000 ekar tanah baru dan dengan itu lebih ramai lagi peneroka-peneroka yang boleh diambil untuk projek-projek ini. Dalam kawasan Trengganu Tengah sahaja lebih kurang 30,000 ekar tanah telahpun dikhaskan untuk FELDA mengadakan projek-projek baru dan ini akan memberi peluang kepada peneroka-peneroka untuk mengambil bahagian. Kerajaan Persekutuan memanglah sentiasa memberikan segala kewangan yang diperlukan oleh FELDA untuk menjalankan tugasnya sebagai agensi pembangunan tanah yang terbesar di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan, Ahli Yang Berhormat dari Bungsar, Kerajaan memang soder tentang perlunya menyediakan kemudahan-kemudahan asas bagi peneroka-peneroka di wilayah ini. Kajian sedang berjalan sekarang di wilayah ini dan ada memberi tekanan yang istimewa kepada soal itu, tetapi seperti yang telah saya sebutkan di atas tadi pembukaan bandar-bandar dan kemudahan-kemudahan asas adalah diberi pertimbangan yang penting untuk menentukan yang peneroka-peneroka dalam kawasan ini mendapat segala kemudahan hidup yang diperlukan. Ahli Yang Berhormat itu juga membuat cadangan

supaya kajian wilayah di koodinasikan dalam konteks perancangan kebangsaan. Perkara ini memanglah telah dan sedang dibuat. Semua perancangan-perancangan wilayah tidaklah dibuat secara berasingan malah dikoodinasikan dalam konteks seluruh perancangan Malaysia untuk menentukan koodinasi-koodinasi yang diperlukan itu.

Ahli Yang Berhormat itu juga memberi pandangan berhubung dengan perancangan masa depan yang lebih jauh supaya tidak menjadikan ia satu perkara yang kelam-kabut ataupun yang boleh menyusahkan jenerasi kita yang akan datang untuk merancang dasar-dasar baru yang diperlukan ketika itu. Saya percaya Ahli Yang Berhormat sendiri pun maklum bahawa Trengganu Tengah ini tidak akan menjadi sebesar Bandaraya Kuala Lumpur ini dalam 100 tahun yang akan datang lagi. Pelan induknya yang telahpun dirancangan sekarang adalah diperhatikan benar-benar supaya segala projek dan rancangan yang dibuat itu akan dapat disesuaikan paling kurang 10 atau 20 jenerasi kita yang akan datang ini.

Tentang lapuran kajian pembangunan yang dikatakan tidak didapati oleh orang ramai dan khasnya oleh Ahli-ahli Dewan ini, sukacita saya memberitahu kepada Ahli Yang Berhormat bahawa lapuran-laporan seperti kajian-kajian pembangunan untuk Pahang Trengganu dan Johor Tenggara adalah dikeluarkan dan dapat dibeli oleh sesiapa sahaja daripada Pejabat Lembaga ini.

Ahli Yang Berhormat dari Damansara telah membangkitkan soal penggunaan consultant asing yang tidak faham tentang masyarakat dan masalah-masalah tempatan. Sungguhpun ada consultant asing yang digunakan tetapi dalam menyediakan kajian-kajian mereka, khususnya dalam menyediakan lapuran-laporan pegawai-pegawai tempatan yang pakar dalam bahagian masing-masing adalah sentiasa digunakan bersama sebagai counter part pada perunding-perunding asing yang digunakan untuk menentukan di dalam perancangan-perancangan yang dibuat bagi kepentingan masyarakat dan masalah-masalah mereka adalah sentiasa diberi perhatian sepenuhnya seperti yang saya terangkan pada awal tadi.

Tuan Yang di-Pertua, pandangan Ahli Yang Berhormat dari Temerloh mengenai

dengan persoalan-persoalan yang ditimbulkan itu, maka Kerajaan adalah sentiasa mengambil perhatian semuga pekebun-pekebun kecil dan juga orang-orang lain yang tidak berada akan dapat peluang menyertai rancangan yang besar ini.

Saya tidak ingin hendak mengulas pandangan Ahli Yang Berhormat dari Seremban Timur kerana seluruh ucapannya itu bolehlah diibaratkan sebagai satu perkara yang boleh menyinggung perasaan satu kaum yang lain dan pandangannya bagi pengeluaran tanah-tanah di masa depan atau cadangannya supaya diadakan undian terbuka di hadapan khalayak ramai mana yang berpeluang dapat mencabut undi mereka itulah diberi tanah.

Saya agak pelek juga memikirkan soal yang dimajukan oleh Ahli Yang Berhormat itu kerana beliau sendiri telah mengikut persidangan Parlimen ini dan mengerti akan dasar-dasar Kerajaan dan telah sama membincangkan dalam bentuk Dasar Ekonomi Baru Kerajaan kerana itu polisi atau dasar bagi pembukaan tanah ini telah terang dan nyata dijelaskan dari Dasar Ekonomi Baru Kerajaan supaya dia dapat memberikan peluang yang sama kepada rakyat yang tidak berada dengan tidak mengira kaum atau bangsa.

Ahli Yang Berhormat dari Besut di atas pandangan dan anjuran beliau sebagai anak Trengganu yang terlibat dan hampir dengan kawasan ini, maka Kerajaan sentiasa mengambil perhatian dan saya berharap kepada Ahli Yang Berhormat itu juga seperti yang saya telah sebutkan pada awal tadi supaya memerhatikan perjalanan Lembaga ini dan jika didapati ada penyelewengan yang benar-benar berlaku maka sebagai seorang Wakil Rakyat tidaklah harus membiarkan soal itu berpanjangan dan hendaklah menyampaikan kepada pihak yang berkenaan supaya tindakan yang sewajarnya dan pembetulan dapat dibuat.

Begitu juga ucapan Ahli Yang Berhormat dari Baling mengenai pandangannya itu, maka Kerajaan sedia mengambil perhatian mudah-mudahan Rancangan Trengganu Tengah ini akan beroleh kejayaan sebagaimana juga harapan kita dalam Rancangan Pahang Tenggara dan Johor Tenggara.

Usul dikemuka bagi diputus, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditibangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*).

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG (PERBADANAN) INSTITIUT NEGARA BAGI PENYELIDIKAN SAINS DAN PERUSAHAAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.04 ptg.

Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Penyelarasan Kampung-kampung Baru (Datuk Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan Rang Undang-undang yang bertajuk "Akta (Perbadanan) Institiut Negara bagi Penyelidikan Sains dan Perusahaan (Pindaan), 1974" dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk meminda perenggan (e), (f) dan (g) di bawah Seksyen 6 (1) Akta (Perbadanan) Institiut Negara bagi Penyelidikan Sains dan Perusahaan, 1971 berhubung keahlian Majlis Institiut Negara bagi Penyelidikan Sains dan Perusahaan.

Pindaan-pindaan yang disyorkan ialah seperti di Seksyen 2 dalam Rang Undang-undang tersebut.

Pindaan-pindaan tersebut perlu dibuat kerana Kementerian-kementerian yang tersebut di perenggan (e), (f) dan (g) di bawah Seksyen 2 dalam Akta asal, iaitu Kementerian Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perdagangan dan Perusahaan dan Kementerian Pertanian dan Tanah tidak ada lagi sekarang. Ini adalah berikutan dengan penyusunan semula Kabinet yang dibuat dalam tahun lalu yang melibatkan perubahan portfolio bagi beberapa

orang Menteri dan juga perubahan nama-nama Kementerian.

Pindaan-pindaan yang disyorkan itu membolehkan wakil-wakil Kementerian berkenaan menjadi Ahli Majlis itu jika sekali-pun berlaku perubahan portfolio Menteri-menteri dan nama-nama Kementerian di masa akan datang.

Dalam hubungan ini saya suka menarik perhatian Dewan ini bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengarahkan supaya Instituti Negara bagi Penyelidikan Sains dan Perusahaan (NISIR) dan Pusat Piawaian Malaysia (SIM) dicantumkan. Tindakan untuk mencantumkan Ajensi-ajensi ini sedang diambil dan dijangka akan mengambil masa. Oleh itu Rang Undang-undang ini perlulah diluluskan kerana, jika tidak, urusan mengenai hal ehwal NISIR akan terganggu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.08 ptg.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang (Pindaan) yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Saya ada beberapa pandangan menurut hemah saya yang cetek ini akan saya berikan kepada perbadanan institut ini. Saya sangat berbesar hati bahawa dengan adanya pindaan ini akan meluaskan lagi peruntukan yang akan diperkuatkuasakan dalam perbadanan ini, dan juga diwujudkan percantuman di antara SIM dengan NISIR.

Mengenai hal ini gemar saya memberikan satu pandangan yang saya fikir ada kaitan dengan percantuman ini, iaitu perbadanan ini menurut hemah saya adalah sangat menguntungkan negara kita pada masa depan. Maka dengan sebab itu diadakan peruntukan yang kurang dalam undang-undang asalnya dahulu seperti yang saya sebutkan NISIR tadi. Di antara perkara yang patut difikirkan Kerajaan hendaklah menambah-pegawai-pegawai yang expert dalam bidang penyelidikan ini. Kita wajar mendapatkan pegawai-pegawai itu hatta kita mengambil pegawai-pegawai dagang.

Yang kedua, badan ini membuat penyelidikan hendaklah dengan keadaan sabar dan berlamaan pada mendapatkan satu pengesahan dalam analisa ini.

Yang ketiga, negara ini banyak bahan-bahan mentah yang harus diselidiki oleh perbadanan ini setelah didapati penghasilannya hendaklah Kerajaan atau swasta mengusahakan bagi pengilangan dan perusahaan.

Kiranya perbadanan ini mengerjakan satu-satu penyelidikan dan telah membuat satu analisa tidak dapat diusahakan oleh Kerajaan atau badan-badan swasta, maka akan rugilah usaha yang begitu baik. Kalau usaha-usaha yang dibuat oleh perbadanan ini dapat diusahakan oleh swasta dan Kerajaan akan mendatangkan keuntungan kepada rakyat dalam negeri ini. Selain daripada itu, perbadanan ini juga bertanggungjawab menentukan dari pihaknya sebagai badan Kerajaan pada mengumumkan satu-satu analisa. Saya harap jangan menjadi satu percanggahan pendapat setengah-setengah pakar analisa dalam bahan-bahan penyelidikan dalam negeri ini, ini adalah mengelirukan rakyat. Perbadanan ini juga hendaklah membuat kajian terhadap makanan rakyat seperti sayuran-sayuran, ulam yang ada kaitan dengan kesihatan dan kemudahan kepada rakyat pada tiap-tiap hari. Saya harap apa yang telah dimakan oleh rakyat dalam negeri ini jangan badan ini memomok-momokkan. Saya contohkan:

Usaha yang sangat baik sebagaimana kita sedia maklum seorang doktor daripada Jabatan Ilmu Pakar Alat Tubuh telah mengeluarkan petua bahawa jering dan petai boleh dijadikan ubat untuk kencing manis dan disahkan oleh Badan Penyelidikan ini, telah disambut baik oleh rakyat dari berbagai kaum maka jering dan petai negeri ini telah laris. Ada setengah pula manusia, orang yang berusaha dalam pertanian hendak membuat ladang jering dan petai. Tetapi malangnya penyelidikan ini tidak dapat dilanjutkan kerana kekurangan.

Jadi pada hemat saya bahawa ini adalah memperolok-olokan satu benda yang mendatangkan munafaat dan faedah kepada manusia, kerana hasil daripada jering dan petai ini kalau dapat dianalisiskan boleh jadi ubat kencing manis bukan sahaja boleh digunakan untuk rakyat dalam negeri ini,

bahkan kita boleh gunakan untuk rakyat di seluruh dunia yang pada masa sekarang banyak terlibat dalam penyakit kencing manis. Maka betapa untungnya petani-petani kita dalam negeri ini boleh menanam petai dan jering untuk dijadikan satu perusahaan membuat pil jering dan petai untuk diperdagangkan keluar negeri. Tetapi ada satu pendapat yang lain yang mengatakan bahawa jering dan petai tidak boleh mengubati kencing manis. Pakar dengan pakar berlaga, ini yang merunsingkan rakyat negeri ini. Saya harap dengan kita wujudkan perbadanan ini kejadian bercanggah pendapat ini tidak akan timbul, dan saya harap pakar-pakar yang ada itu, yang ada dalam negeri ini dan di luar negeri juga akan memberikan kerjasama kepada badan yang ditubuhkan itu.

Satu perkara yang saya fikir ada kaitan dengan perbadanan ini ialah Badan Penyelidikan Sain dan Perusahaan ini hendaklah diawasi dengan cermat, kerana dengan sain dan perusahaan kelak adalah bertanggungjawab terhadap pengotoran udara dan air yang akan mengorbankan dan menyeksa sekalian manusia. Sebab kalau kita sudah maju dalam bidang perusahaan ini dan kita akan membanyakkan membuat perkilangan akan menambahkan lagi kesulitan perhubungan, dan pengotoran alam samada udara ataupun sungai yang ada dalam negeri ini belum diselesaikan lagi. Banyak rakyat dengan sebab ada perkilangan ini air daripada kilang-kilang itu mengalir ke sungai, air sungai itu masam hingga mematikan ikan dan udang yang ada dalam sungai itu. Ini bukan sahaja mematikan makhluk Tuhan iaitu ikan dan udang yang mati itu dimakan oleh manusia, manusia yang memakan benda itu akan mendatangkan penyakit, dan keadaan ini belum dapat dibetulkan oleh Kerajaan. Kerajaan belum dapat lagi mencari satu pakar di luar negeri, samada kita bayar gajinya datang ke mari ataupun kita minta kerjasama daripadanya bahawa mencari satu kimia; ubat yang belum dibancuhkan pada perkilangan-perkilangan yang ada dalam negeri ini supaya ubat yang beracun itu akan menjadi tawar, manakala air mengalir ke sungai tidak akan memudaratkan makhluk-makhluk Tuhan dan tidak akan memudaratkan kepada manusia. Kalau ini belum hendak dibetulkan dan ditambah pula lagi dengan berbagai-bagai kilang yang akan berkecamuk dalam tanah air kita, termasuk

kilang jering dan petai akan bertambah lagi busuk air sungai itu. Saya harap keadaan yang seperti ini Kerajaan tegas dalam satu-satu usaha, jangan banyak sahaja mengusahakan satu-satu perkara, tetapi tidak tegas, tidak memberi kesan bahkan akan mendatangkan mudarat kepada rakyat. Bila datang mudarat kepada rakyat, rakyat tidak akan menyalahkan perbadanan ini, rakyat akan menyalahkan Kerajaan, pemerintah dalam negeri ini. Dan bila menyalahkan ini, bukan sahaja dia salah, rakyat berkata bahawa wang yang begitu banyak daripada kami akan merosakkan kami. Ini satu perkara yang saya fikir patut Kementerian yang berkenaan memikirkan atas pandangan saya yang cetek ini.

Saya telah katakan tadi perbadanan ini jangan memperolok-olokkan atau memomok-momokkan sesuatu benda yang telah dimakan oleh rakyat dalam negeri ini, sebab sebuah negeri yang Tuhan jadikan di mana juga dalam dunia ini ada keistimewaan. Pada jenis bahan-bahan yang hidup dalam negara itu, umpamanya, kalau di negara Arab keistimewaan Tuhan tumbuhkan pokok kurma, selain daripada negeri Arab dan negeri yang berhampiran kurma itu boleh ditanam tetapi tidak berbuah. Keistimewaan negara Tenggara Asia ini termasuk Negeri Pulau-pulau Melayu ini yang telah jadi adad turun-temurun orang-orang Melayu ini, orang-orang Gugusan Pulau-pulau Melayu iaitu selain daripada benda-benda yang saya cakapkan tadi jering dan petai, ada satu tanaman yang dinamakan cekor manis. Cekor manis ini satu makanan yang telah dimakan oleh datuk nenek orang-orang bumiputra dalam kawasan-kawasan Pulau-pulau Melayu ini dari zaman-berzaman, satu makanan yang sangat digemari oleh mereka ini juga patut dibuat analisa. Ada seorang pakar membuat analisa bahawa cekor manis ini kalau dimakan akan mendatangkan mudarat sebab pada cekor manis itu ada racun. Ada pula pakar memberi pendapat bahawa cekor manis itu ada mempunyai vitamin kalau dimakan boleh memberikan kesuburan kepada yang memakannya.

Jadi perkara-perkara yang semacam ini, pada saat-saat akhir ini zaman kemajuan dalam tanahair kita, zaman kita hendak mencari khazanah-khazanah yang ada dalam negeri ini yang memberi faedah kepada negeri ini dan kepada manusia

sejagatnya, tetapi malangnya keluarlah pendapat-pendapat yang bercanggah. Saya harap dengan kebijaksanaan perbadanan dan kepakaran dalam perbadanan ini, insya Allah, perkara-perkara yang menjadi makanan yang digemari oleh rakyat dalam negeri ini tidaklah dimomok-momokkan kepada mereka. Inilah sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita berbahas sekarang ini di atas satu Akta (Perbadanan) Institiut Negara bagi Penyelidikan Sains dan Perusahaan, 1971 yang telahpun diluluskan. Jadi tak usahlah diulang-ulangkan balik di atas perkara-perkara yang sama. Sekarang ini kita hendak meluluskan pindaan di atas Akta itu, jadi hendaklah dihadkan perbahasan di atas pindaan itu sahaja.

5.21 ptg.

Tuan Ng Hoe Hun (Larut Selatan): Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak bercakap sedikit mengenai Rang Undang-undang berkenaan dengan Institiut Negara bagi Penyelidikan Sains dan Perusahaan, 1971. Saya minta izin berucap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua: Saya dukacita tidak boleh beri keizinan. Yang Berhormat hendaklah bercakap dalam Bahasa Kebangsaan!

Tuan Ng Hoe Hun: Boleh, saya cuba. Saya minta izin bercakap dalam bahasa campuran.

Tuan Yang di-Pertua: Bahasa campuran saya tak tahu.

Tuan Ng Hoe Hun: Barangkali perkataan bahasa campuran itu bahasa baharu, saya minta izin, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Bahasa baru belum lagi diluluskan. Bolehkah gunakan Bahasa Kebangsaan?

Tuan Ng Hoe Hun: Boleh, Tuan Yang di-Pertua. Saya cuba. Ini pun susah sedikit. Saya bersetuju dengan Rang Undang-undang ini dan maksud

Tuan Yang di-Pertua: Bersetuju dengan Rang Undang-undang, atau bersetuju dengan pindaan?

Tuan Ng Hoe Hun: Bersetuju dengan pindaan, itulah susah sedikit, minta maaf.

Saya bersetuju dengan Rang Undang-undang (Pindaan) ini. Maksud Rang Undang-undang ini ialah hendak melantik 3 orang pegawai daripada Kementerian yang dahulu di bawah NISIR.

As far as I am concerned, the main purpose of NISIR is to supplement the activities of long established research centres in this country. Now research centres-it is very difficult to say this in Malay, forgive me, Tuan Speaker.

Tuan Yang di-Pertua: Bagaimana soalnya? Bahasa Melayu boleh digunakan di atas semua perkara!

Tuan Ng Hoe Hun: Pejabat-pejabat Pertanian pun ada research centres, tetapi tak ada cukup pakar dan research centres di Pejabat-pejabat Pertanian pun tidak cukup menjalankan research. Dengan sebab itu, saya bawa dua masaalah di hadapan Dewan ini bagi perbahasan dan memberitahu kepada pegawai-pegawai pertanian yang berkhidmat dengan NISIR.

Tuan Yang di-Pertua: Itu luar daripada tujuan ini. Ini berkenaan dengan pindaan, itu yang saya hendak dengar. Lain perkara saya tidak hendak dengar.

Tuan Ng Hoe Hun: Pindaan ini ialah hendak melantik seorang pegawai pertanian masuk di bawah NISIR. Kalau dia masuk di Jabatan NISIR, tentulah dia akan bawa masaalah pertanian dalam NISIR, dan jikalau kita tengok NISIR mempunyai rancangan yang sama dan ada projek-projek pertanian. Jikalau dia ada projek-projek pertanian, saya pun boleh sentuh sedikit dalam masaalah pertanian, dan saya minta izin.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya hendak dengar apa yang hendak disentuh apabila dia masuk NISIR. Cuma yang boleh disentuh ialah pegawai dan pekerjaannya sahaja samada memuaskan atau tidak, itu sahaja yang saya hendak dengar.

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya tahu. Beri saya lima minit.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau tak ada apa lagi, duduklah! Jangan menghabiskan masa Dewan. Masa tak cukup.

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya mahu sambung sedikit lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, sambung sedikit lagi, saya hendak dengar.

Tuan Ng Hoe Hun: Dua-dua masalah ini saya hendak bawa ke hadapan Majlis ini, masalah yang penting sekali di seluruh Malaysia ialah durian; durian sekarang tak cukup. Apa sebabnya durian yang ada bunga dibiarkan kahwin dengan flying bats atau keluang, tetapi undang-undang

Tuan Yang di-Pertua: Apa kena-mengena durian dengan keluang?

Tuan Ng Hoe Hun: Kalau hendak dikahwinkan dengan durian mistilah pakai keluang. Kalau tidak ada keluang, tak ada durian; ada keluang, ada durian.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tak pernah dengar seperti itu!

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di-Pertua, tetapi undang-undang negara kita sekarang ada Protection of Wild Animals, boleh tembak keluang pada masa pukul 7 sampai pukul 11. Saya hendak panggil Pegawai Pertanian yang masuk NISIR supaya memberi arahan kepada mereka yang berkenaan: tahan orang yang ada lesen tembak keluang, sebab jikalau tembak keluang, bunga itu tidak dapat pollinated, tidak ada buah. Bagi orang yang ada lesen yang memegang senapang, mesti tak bersetuju, sebab dia ada lesen tembak keluang. Tetapi bolehlah tembak keluang semasa bunga durian habis. Ini yang penting sekali. Semua orang hendak makan durian. Tuan Yang di-Pertua pun suka makan durian. (*Ketawa*). Itu yang pertama.

Yang kedua, di Kuala Kangsar, kawasan Seberang Perak ada petani banyak tanam ciku. Ciku itu dihindangi penyakit (canker) bila sakit tidak boleh ubat apa-apa, tidak boleh cure sebab Jabatan Pertanian tidak tahu, tidak cukup pakar hendak cure this disease. Barangkali NISIR banyak pakar-pakar boleh buat satu penyiasatan dalam penyakit ini. Tidak berapa lama dahulu saya ada hantar satu sample kepada NISIR di alamatkan kepada P.O. Box 35 Shah Alam. Itulah alamat NISIR dan sampai sekarang tiada jawapan. Dalam envelope itu saya ada hantar penyakit ciku canker. Saya hantar minta disiasat apa sebabnya penyakit ini ada berlaku. Sampai sekarang tak ada jawapan.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi bagaimana?

Tuan Ng Hoe Hun: Yang akhir sekali, saya minta pegawai pertanian di Jabatan NISIR mengkaji masalah penyakit ini: Yang pertama durian dan yang kedua ciku, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, tujuan yang asas untuk meminda Akta ini ialah untuk mengubah nama Kementerian kepada perubahan keadaan yang ada sekarang.

Walau bagaimanapun, saya ucapkan terima kasih atas pandangan-pandangan yang telah diberikan dan saya akan ambil perhatian atas cadangan yang telah diberikan itu.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*).

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PEMEGANG AMANAH RAYA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.33 ptg.

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Pemegang Amanah Raya (Pindaan), 1974 dibaca bagi kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang-undang ini, ialah untuk menyusun semula Jemaah Pelaburan Pemegang Amanah Raya yang ditubuhkan di bawah Seksyen 13, Ordinan Pemegang Amanah Raya, 1950. Di bawah undang-undang itu yang ada sekarang ini Pengerusi

Jemaah itu ialah seorang pegawai awam yang dilantik oleh Menteri. Pada masa itu tiada Menteri Undang-undang (Minister of Justice) dan pegawai yang dilantik ialah Ketua Setiausaha dalam Kementerian itu, tetapi sekarang Kementerian itu telah dibubarkan. Adalah dicadangkan sekarang, oleh sebab undang-undang ini di bawah jagaan saya, Peguamcara Negara yang sekarang menjadi Ahli Jemaah itu dilantik sebagai Pengerusi dan seorang lagi pegawai awam dilantik menjadi ahli. Walau bagaimanapun, jumlah bilangan Ahli Jemaah itu tidak berubah iaitu tujuh orang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.34 ptg.

Tuan R. C. M. Rayan (Ipoh): (*Dengan izin*) The Public Trustee has always performed a useful and important role in the service of the country by looking after and administering the property, movable and immovable, of minors and others who are unable to administer the property themselves due to financial reasons or otherwise. However, the position today is that money deposited with the Public Trustee on behalf of minors, who are not Muslims, cannot be withdrawn until the minors attain the age of 21 years. To put it in another form, I might say that the persons adversely affected by this procedure are the Chinese and Indians because their age of majority is 21 years. However, in the case of Muslims, the age of majority is 18 years and therefore they are able to withdraw the sum deposited with the Public Trustee on attaining the age of 18 years. This is a peculiar situation which ought to be remedied, and I would urge that all persons, on attaining the age of 18 years, should be allowed to withdraw their monies from the Public Trustee.

It should also be noted that under the Land Code, the age of majority for all persons—Muslims, Chinese or Indians—is 18 years only and not 21 years. Therefore, I feel that there should be no great obstacle in declaring 18 years as the age of majority of minors with regard to matters connected with the Public Trustee. In running-down cases where infants received, for example, a sum

under \$1,000 for injuries sustained by them, I would urge that this amount be paid directly to the parents or the lawful guardians concerned. If this is not possible, at least this amount should be allowed to be deposited in the Post Office Savings Bank account in the name of the minor and the Savings Bank book will then be deposited with the Board. If these small sums like \$1,000 are to be deposited with the Public Trustee, the infant, on attaining the age of majority, may not get the \$1,000 but may get a sum much lower than \$1,000 as the Public Trustee himself will deduct a certain sum out of this \$1,000 as expenses incurred by him in the administration of the minor's property. Where larger amounts are involved, the Public Trustee should be made to submit yearly statements of accounts as to the financial position of the minors to the parents or guardians as is the case with commercial banks which send monthly statements of accounts to their customers.

I would also urge the Public Trustee to explore ways and means of investing the monies of minors on worthy projects like in the purchase of houses which will eventually become a benefit to the minors.

Speaking generally, where the value of an estate is under \$1,000, power should be given to the Public Trustee to step in, if called for, and administer the estate without the necessity for anyone applying for and obtaining Letters of Administration, and this is called "summary administration". If this is done, a lot of time is saved and expenses in obtaining Letters of Administration are reduced and the fees that have been paid to lawyers would also be done away with. Further, when one applies for Letters of Administration, we know that it takes months and sometimes years before a clearance certificate is given by the Estate Duty Office and before the Letters of Administration are extracted.

The Amendment in the Bill says that the Public Trustee Investment Board shall consist of seven members as follows:

- "(a) the Solicitor-General who shall be the Chairman;
- (b) the Public Trustee;
- (c) a public officer nominated by the Minister for Finance;

- (d) two public officers nominated by the Minister; and
- (e) two public officers, one serving in Sabah and one serving in Sarawak, nominated by the Minister."

Referring to the Chairmanship, the old Section 13, sub-section (2), says that the Board shall consist of five members and the Chairman shall be the Accountant-General—not the Solicitor-General—while the Solicitor-General, the Public Trustee and two public officers to be nominated from time to time shall be members only. Now the new amendment to the old Section, which increases the number of members on the Board from five to seven, does away with the Accountant-General as Chairman. The Accountant-General is removed altogether from the Board, and his place as Chairman is taken over by the Solicitor-General who was only an ordinary member in the original Board. The Public Trustee, who plays a major part in the administration of the estate of minors, is not considered fit to be the Chairman, while an outsider like the Solicitor-General who has very little or nothing to do with the administration of estates has been elevated to the office of Chairman. I would suggest that the Public Trustee himself, who is the chief actor in the administration of the estate of minors, be given his rightful place as the Chairman of the Board so as to enable him to take more initiative and assume more responsibility in carrying out his duties as Public Trustee. The Solicitor-General, who under the old Section was only a member of the Board, can still continue to exist as a member only and not elevated and glorified as the Chairman.

Again, the use of the words in the old Section 13, sub-section (2), which says "two other public officers to be nominated from time to time"—I emphasise the words "from time to time"—clearly signifies that these two officers are not going to be the same two officers all the time. These two officers have to be replaced periodically. But in the amended Section 13, sub-section (2) it looks as if the two officers, once nominated, are never to be replaced by different officers and they are there for eternity. So, I would suggest that the phrase "from time to time" be added at the end of sub-section (d) so as to read: "Two public officers. . . ."

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, kalau dia hendak amend, notice mesti dihantar.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, are you suggesting only, or do you want to propose an amendment?

Tuan R. C. M. Rayan: I am leaving it to the Government.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: He is just suggesting it.

Tuan R. C. M. Rayan: I am suggesting an amendment to read "two public officers nominated by the Minister from time to time" so as to enable the Minister to change these two officers as and when he likes.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Normally the nominating authority has power to withdraw nominations from time to time.

Tuan R. C. M. Rayan: I also wish to refer to paragraph (c) which says that "a public officer nominated by the Minister for Finance", but this sub-section does not say whether the public officer himself should be from the Ministry of Finance or from any other Ministry or from any Government Department. Again, with regard to paragraph (d) of the amendment which says "two public officers nominated by the Minister", it does not indicate which Minister has the power to nominate these two public officers and whether the Minister has the right to nominate the two public officers concerned from his own Ministry or from any other Ministry or from Government Departments.

I would also like to point out that the number of members on this Public Trustee Investment Board is too little and it should, therefore, be enlarged to a bigger number by increasing the number from seven to eleven, or, at least, to nine members. I say this because the Investment Board should have more members in order to safeguard the funds of the minors; and if there are more members on the Investment Board, better views and ideas could be formed and discussed regarding the investment of the funds in worthy and profitable projects.

In this connection, I would also suggest that there should be one member nominated from the public to serve on the Board. I

would also suggest that the members of the Investment Board should be replaced once in every two years or so, so as to enable the Board to have new men with new ideas of investment.

Finally, touching on quorum, I would point that when the Board consisted of five members, the quorum was three members as stated in Section 13, sub-section (3). Now that the membership of the Board has been increased from five to seven, are we to take it that the quorum still remains at three or should the quorum also be increased from three to five? Thank you, Mr Speaker, Sir.

5.46 ptg.

Tuan Lim Cho Hock (Batu Gajah): (*Dengan izin*) Very briefly, Mr Speaker, Sir, I have a few complaints to raise here. From my own experience, the beneficiaries of the funds deposited with the Public Trustee at times find it rather difficult to withdraw their funds. The Department is rather slow in processing applications by beneficiaries for withdrawals. Now in this respect, I hope the Department can speed up the processing of applications because usually, in cases of this sort, the beneficiaries come from very poor families and they need a little bit every month to survive. Sometimes, the Department just sends a lump sum after a few months' delay to the beneficiaries. Now this would not do, because the beneficiaries would rather prefer to have a small amount every month rather than a big sum in a few months time.

Secondly, Mr Speaker, Sir, the interest rate paid on the funds deposited is rather too low and since the Government has announced that the interest rate has been raised in deposits made with the Post Office Savings Bank and other banks and so on, I suggest that the Government should consider raising the interest rate with respect to deposits made with the Public Trustee.

Thirdly, Mr Speaker, Sir, if the amount does not exceed, say, \$1,000 then I suggest that the Public Trustee should pay out in full to the parents of the beneficiaries or to the guardians of the beneficiaries because if the amounts are small, then it would involve a lot of administrative problems; it would incur, in fact, public expenditure in running the accounts of these beneficiaries. I hope that the Government can consider paying out the total amount if the amount does not

exceed, say, \$1,000 to the guardians or to the parents of the beneficiaries involved.

Fourthly, Mr Speaker, Sir, sometimes the beneficiaries or rather the guardians or the parents would like to have a lump sum taken out for the purchase of, say, a house or for the purchase of a rubber estate which might give better returns to the beneficiaries concerned. Now in order to apply for a lump sum out of the funds, the guardian or the parents would have to apply to the High Court for an order to withdraw the amount. This would incur a lot of expenses on the part of the guardians or the parents. I would suggest to the Government that the Public Trustee, after considering all angles, considering all aspects of the application for withdrawal of a lump sum for the purchase of a house or a rubber estate, should be empowered to make out a lump sum payment to the applicant.

5.50 ptg.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bercak sepatah dua mengenai Rang Undang-undang ini.

Yang pertama sekali, saya juga ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengenai dengan koram, seperti yang telah disebutkan oleh sahabat saya daripada salah satu Campuran yang baru bercakap sekejap tadi. Kalau dahulu koramnya 3 sahaja sekarang ini Ahli Lembaga ditambah daripada menjadi 7 adakah koram itu 3 juga.

Yang kedua, oleh kerana tujuan Rang Undang-undang ini ialah bertujuan untuk menyusun semula Jemaah Pelabura Pemegang Amanah Raya yang telah ditubuhkan oleh Seksyen 13, Ordinan Pemegang Amanah Raya, 1950, barangkali selain daripada hendak menyusun semula Jemaah ini, hendak memperbaiki sedikit-sebanyak segala perkara yang tidak menyenangkan hati orang ramai di atas kerja-kerja yang dijalankan oleh Jemaah yang lalu, sebab sambil kita menyusun Jemaah yang baru, mestilah ada idea-idea yang baru. Inilah harapan saya kepada Kerajaan kerana apa yang disebutkan oleh sahabat saya dari Pembangkang, D.A.P. tadi, Kerajaan sedikit-sebanyak terpaksa mengakui adanya kebenaran tentang kelewatan di dalam menyelesaikan masalah seperti ini.

Sebagai satu contoh, saya boleh menyebutkan di dalam Dewan ini, di kawasan saya, kawasan perairan dan sekarang ini sedang pesat dijalankan, ada satu kes telah diserahkan kepada Pemegang Amanah Raya. Taliair itu sudah dibuat. Lebih daripada 10 kali orang itu berulang alik daripada Besut ke Kuala Trengganu menemui pegawai Jabatan ini. Yang salah bukan—Jemaah Pelaburan ini, tetapi pegawainya. Saya tidak kata Jemaah yang bersalah, sebab Jemaah ini telah membuat polisi dan meletakkan tugas kepada pegawainya. Apa yang saya harapkan, apabila Jemaah itu disusun, dan diletakkan wakil-wakil seperti yang terkandung dalam (a), (b), (c), (d) dan (e) dalam Rang Undang-undang ini, hendaklah mengawasi pegawai-pegawainya supaya bertimbangrasa kepada anak-anak yatim yang pesaknya di serahkan kepada Jabatan ini supaya mereka tidak melarat, sebab saya nampak sikap pegawai yang menjalankan tugas dalam Pemegang Amanah Raya ini, bukan semuanya, sebageian kecil sahaja, nampaknya indah tak indah sahaja memandang kepada mereka yang mengadu hal terutamanya yang ada dalam negeri saya sendiri di Kuala Trengganu.

Saya berharap kepada pihak yang berkenaan kalau tidak percaya apa yang saya cakapkan ini, saya boleh hantarkan fail itu untuk melihat tak kurang daripada 10 kali correspondence, saya sendiri pun buat, tetapi ditolak sana-sini: kepada DO, ditolak kepada ADO, ditolak ke Kuala Trengganu dan sebagainya. Sungguh kasihan. Saya nilaikan harta yang tinggal itu \$2,000 walaupun selesai orang yang mempunyai hak itu dapat tak sampai \$500 sebab habis dalam belanja perjalanan sahaja. Saya harap Menteri yang berkenaan dapat mengambil perhatian yang berat di atas perkara ini dan kepada pegawai yang bersikap demikian rupa.

5.54 ptg.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran dan pandangan dalam pindaan Rang Undang-undang ini.

Saya sedar ada sedikit menjadi kelambatan tentang pembayaran wang oleh setengah Jabatan Pemegang Amanah Raya. Boleh jadi di negeri-negeri dan saya telah melawat boleh dikatakan tiap-tiap negeri berjumpa

dengan pegawai dan mengarahkan jangan melengahkan perkara ini, kerana kerja dan tugas-tugasnya ialah menolong orang-orang yang miskin. Walau bagaimanapun, perkara ini adalah berkait dengan undang-undang, kadang-kadang berkait dengan mahkamah dan juga penyelidikan dan lain-lain dan kadang-kadang hendaklah dihantar ke pejabat Kebajikan Am untuk di siasat. Itulah yang mengambil masa. Walau bagaimanapun, kiranya ada Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini dapati mana-mana penduduk-penduduk dalam kawasan masing-masing ada mendapat kesusahan dan betul-betul lambat pembayaran itu dan tak dapat layanan yang cukup, daripada mana-mana Pemegang Amanah Raya dalam negerinya, saya harap boleh menulis terus kepada saya supaya saya boleh ambil tindakan terus kepada Jabatan berkenaan supaya disegerakan. Itulah satu cara yang selalu saya dapati bila saya dapat surat itu saya jalankan siasatan dan lekas sedikit dapat dijalankan.

Teguran Ahli Yang Berhormat dari Ulu Kinta saya sudah jawab iaitu berkenaan dengan kelambatan tadi. Berkenaan dengan cadangannya wang yang kurang daripada \$1,000 hendaklah dibayar terus kepada guardian atau penjaganya atau bapanya supaya dapat digunakan bagi faedah kanak-kanak itu. Sebagaimana kita maklum, Pemegang Amanah Raya itu seorang yang menjaga amanah dan jikalau wang itu adalah diuntukkan bagi kanak-kanak, yang bawah umur dan Pemegang Amanah Raya akan menjaga kepentingan kanak-kanak itu lebih daripada segala-galanya. Kita dapat tahu pada masa lampau, bila perkara ini tidak dijalankan oleh Pemegang Amanah Raya wang yang diberikan kepada waris bapa saudaranya, atau penjaga yang, kononnya, menjaga anak-anak saudaranya kebanyakan wang itu boleh dikatakan tidak sampai, separuh yang sampai kepada kanak-kanak itu, separuh ke tempat lain perginya. Ini tak dapat kita awasi.

Inilah yang kita bimbangkan. Dengan sebab itu pembayaran itu hendaklah dijaga baik-baik. Sebelum wang itu dikeluarkan untuk kanak-kanak itu pada tiap-tiap bulan mencukupi perbelanjaan sekolahnya dan makannya adalah disiasat oleh Pegawai Kebajikan Am lebih dahulu, berapa patut diberi tiap-tiap bulan supaya wang itu mencukupi seberapa yang boleh dalam pelajaran kanak-kanak itu. Kalau kita hendak berikan

pada penjaganya kita hendaklah ada ninan yang cukup sebelum kita mengambil satu langkah. Itulah satu perkara yang kar dan sekiranya kita turutkan kehendak hli Yang Berhormat iaitu bayar terus saka yang di bawah \$1,000 kepada pen- ganya, apa akan jadi kiranya kelak wang 1 tidak dapat digunakan oleh kanak-kanak d? Siapa yang akan rugi? Perkara itu lagi kali dilakukan semula dan dibawa kepada ya juga. Walau bagaimanapun, saya ambil ingatan dalam perkara ini.

Teguran Ahli Yang Berhormat dari Ipoh, saya ucapkan terima kasih atas ucapannya u. Yang pertama, berkenaan dengan age of majority, dia berkata sekarang kita sedar age of majority telahpun kita ubah daripada 21 ke 18 tahun. Pendeknya sebelum undang-undang ni dibawa kemari saya telah sendiri membuat arahan untuk dipinda undang-undang ini umur majority 21 menjadi 18 tahun. Teguran itu telah menepati, dan insya Allah, pada Dewan yang akan datang saya akan bawa pindaan itu oleh kerana pindaan itu telahpun diambil perhatian, sebagaimana teguran Ahli Yang Berhormat dari Ipoh tadi.

Berkenaan dengan \$1,000 bayar terus kepada penjaga, saya telah terangkan tadi dan tak payahlah saya terangkan lagi. Berkenaan dengan pindaan pula, saya ambil ingatan atas pindaan itu, tetapi saya hendak terangkan di sini. Izinkan saya, Tuan Yang di-Pertua, menjawab dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Regarding the point raised about a public officer being nominated by the Minister of Finance, a "public officer," is defined; we all know who is a public officer—he is always a Government servant. It is clear here that a public officer means any Government servant. In the past, the Minister of Finance appointed the Accountant-General as a member of the Board. As regards (d) two public officers nominated by the Minister, here it is clearly understood that the Minister is the Attorney-General in this case. Two public officers nominated by the Minister does not mean that the officers just come from that Ministry or Department. It can be any public officers. In the past we appointed the Chief Accountant of the Railways and someone else who was really an expert in investment matters. This has been going on very well as regards the investment of the Trust Fund.

As regards the point raised about the Chairman just now, let me make it clear here that since we have all these experts as members, the Chairman need not necessarily be an expert—even the Minister himself need not be an expert in the Ministry.

In the past—and this has been going on for the last 10 years—the Chairman, as I told you before, was an ordinary public officer, the Permanent Secretary of the Ministry of Justice, an M.C.S. Officer. The Head of Department of my Ministry is the Solicitor-General and he is a public officer. As you all know, he is quite learned in law, but it doesn't mean that he does not know about the other matters. I think, Sir, it is good to have a Chairman who is not very well versed in investment. So let all the experts discuss the matters at hand and let him be the Chairman of that Board. I have great confidence in the Solicitor-General and we have discussed this matter fully with the Ministry of Finance which has agreed to all these suggestions. That is my reply, dan saya ucapkan terima kasih.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memperkerusikan Jawatankuasa*).

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG SENJATAPI (PENALTI LEBIH BERAT) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.03 ptg.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Akta bagi meminda Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat), 1971 dibaca bagi kali yang kedua.

Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat), 1971 mula berkuatkuasa dalam bulan September, 1971. Akta itu, sebagaimana tuan sedia maklum, telah diadakan dengan tujuan hendak memberatkan lagi penalti atau hukuman berkenaan dengan menggunakan senjatapi dalam melakukan kesalahan-kesalahan dari jenis-jenis tertentu yang dinyatakan dalam Akta itu. Kesalahan-kesalahan itu ialah—

- (i) Memerasugut (extortion);
- (ii) Merompak;
- (iii) Menghalang dan menentang penangkapan;
- (iv) Melepaskan diri dari jagaan yang sah di sisi undang-undang.

Mengenai kesalahan-kesalahan ini, penalti yang diperuntukan oleh Akta itu ialah hukum bunuh. Adalah juga diperuntukkan dalam Akta itu bahawa menunjukkan senjatapi untuk menyebabkan ketakutan mati atau cedera apabila melakukan kesalahan-kesalahan yang tersebut di atas boleh dikenakan hukuman penjara maksimum selama dua puluh tahun dan juga boleh dikenakan hukuman sebat.

Sungguhpun demikian kedudukan jenayah pada amnya masih lagi merunsingkan, dan kita dapati juga dalam masa hukuman ini kadang-kadang ada juga hakim-hakim tidak menjatuhkan hukuman sebat kerana undang-undang ini cuma menyatakan boleh dikenakan hukuman sebat, at the discretion of the judge. Kedudukan itu memerlukan usaha-usaha yang lebih hebat dan rapi untuk menentang jenayah. Kedudukan itu juga memerlukan langkah-langkah perundangan yang lebih berkesan untuk menentangi cabaran dari gangster-gangster yang semakin bertambah sofistikated dan berani sekarang. Kes-kes rompakan dan lain-lain kesalahan yang besar nampaknya tidak berkurangan bahkan semakin merebak dan semakin bertambah. Dahulunya kegiatan-kegiatan mereka ditumpukan kepada kawasan bandar, bank-bank, kedai-kedai mas dan orang-orang kaya tetapi baharu-baharu ini penjenayah-penjenayah nampaknya telah meluaskan kegiatan mereka ke kawasan desa pula dan jalan-jalan yang sunyi di mana orang-orang biasa dan orang-orang yang bukan kaya telah juga menjadi mangsa gangster-gangster dan pengkhianat ini. Kami pernah mendengar bas-bas dan motokar-motokar ditahan oleh

orang-orang yang bersenjata. Kejadian yang baharu-baharu sahaja berlaku ialah ber-berkenaan dengan suatu bas dalam perjalanannya ke Pulau Pinang, di mana penumpang-penumpangnya telah dirompak dan semua barang kepunyaan mereka termasuk barang-barang yang dipakai telah dirampas. Hal-hal ini mungkin mencerminkan keadaan masyarakat mewah dan makmur yang kita dapati sekarang tetapi sebaliknya ini mungkin pula mencerminkan betapa tidak cukupnya langkah-langkah yang boleh diambil bagi mengawal penjenayah-penjenayah atau mereka yang cenderung melakukan jenayah. Kita semua ingin hidup dalam dunia di mana undang-undang dan keamanan menjadi panduan hidup. Saya percaya tiada sesiapa pun rela hidup dalam keadaan seperti seolah-olah di dalam bandar cerita "Cowboy" di mana bunuh-membunuh dan tembak-menembak mengikut sesuka hati adalah cara hidup sehari-hari.

Saya harap kita tidak akan sekali-kali mengalami masyarakat seperti di negeri itu.

Bersama ini saya ada perangkaan baru yang menunjukkan kedudukan jenayah pada keseluruhannya dan perangkaan itu menunjukkan bahawa kesalahan-kesalahan adalah mungkin semakin bertambah walaupun pihak polis menjalankan tugas-tugasnya dengan cemerlang. Angka-angka ini diambil semenjak tahun 1971 iaitu apabila Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat), 1971 kita telah luluskan dalam Dewan ini. Perangkaan ini juga menunjukkan angka-angka yang menggambarkan mengenai laporan kes-kes rompakan, penghasutan (extortion), colek yang dilakukan dengan menggunakan senjatapi atau dengan mengugut hendak menggunakan dengan senjatapi. Adalah nyata bahawa kedudukan jenayah menunjukkan bahawa undang-undang sebagaimana yang terdapat sekarang adalah jauh daripada cukup bagi menentang cabaran daripada senjatapi daripada penjenayah-penjenayah yang ganas itu. Ada orang berpendapat yang payah hendak dinafikan bahawa cabaran penjenayah itu sukar hendak ditentang jika rakyat tidak berdiri teguh dibelakang polis. Pengintipan jenayah, jika hendak mencapai kejayaan, perlulah mendapat persefahaman dan kesedaran dari orang ramai. Biasanya didapati dalam masyarakat kita bahawa seseorang itu tidak berani bekerjasama dan menceritakan sesuatu kepada polis jika ia

tahu bahawa berbuat demikian akan mengancam dan membahayakan nyawanya atau nyawa keluarganya kelak. Dan tidak boleh dinafikan bahawa sentiasa dan perasaan dalam hati orang-orang yang tidak bersalah bahawa jika mereka menceritakan kepada pihak polis atau pergi ke mahkamah memberi kenyataan segala yang diketahuinya maka penjenayah itu akan berdendam dan menuntut bela apabila mereka keluar dari penjara kelak. Dan menyedari bahawa biasanya bencana ke atas dirinya itu adalah pada segi kewangan tidak pada segi keanggotaannya maka mereka rela menderita dalam senyap membayar wang daripada menceritakan perbuatan-perbuatan jahat itu, atau mereka itu tampil ke hadapan di mahkamah memberi keterangan. Kita tahu kadang-kadang ada setengah-setengah taukeh terpaksa membayar tiap-tiap bulan kerana mereka telah diugut dengan senjatapi tidak berani tampil ke hadapan kerana dia sedar kalau dia tampil ke hadapan memberi keterangan bimbang kalau dirinya atau keluarganya akan ditembak kelak atau dibunuh atau cedera apakala mereka itu kelak keluar daripada jel. Ini perkara yang kita susah hendak hadapi. Oleh sebab itu, mereka itu rela membayar dengan senyap daripada tampil ke hadapan.

Kerajaan menyedari dengan sepenuhnya hal ini. Adalah juga disedari bahawa meskipun sesuatu jenis perlindungan polis boleh diberi kepada saksi-saksi yang memberi keterangan di mahkamah tetapi adalah mustahil sebenarnya dari segi praktikal untuk menyelamatkan seseorang selamanya daripada perbuatan jahat musuh-musuhnya atau mustahil polis boleh menjaga rumahnya selama-lamanya.

Memandangkan kepada masaalah ini Kerajaan telah mengambil keputusan bahawa bagi maksud kesalahan-kesalahan yang terkandung dalam Akta ini hukuman penjara selama hidup apabila dijatuhkan akan dilaksanakan selama hayat orang yang disabitkan kesalahan itu. Langkah ini akan menjamin bahawa penjenayah-penjenayah yang ganas tidak lagi dapat membencanakan masyarakat, orangramai akan dapat hidup dalam keadaan yang sebenar aman, bahawa orang-orang lain akan takut menyertai anggota-anggota jahat, dan orangramai akan sentiasa berani memberi keterangan terhadap sesuatu kesalahan yang berlaku. Pada masa ini hukuman yang dikatakan hukuman jel

seumur hidup atau penjara seumur hidup bermakna mereka itu akan berada ditahan dalam jel cuma 20 tahun dan ditolak kelakuan baik 7 tahun. Dalam 13 tahun mereka itu akan lepas. Tetapi dengan pindaan ini tiap-tiap seorang kalau dihukum jel seumur hidup maka dia akan mati dalam jel itu, melainkan pada satu hari kelak diampunkan oleh Raja kalau sudah tua umurnya. Ini belum pernah lagi kita buat satu pindaan yang seperti ini dalam tarikh negeri ini.

Kerajaan adalah juga sedar bahawa penjenayah-penjenayah menjalankan kegiatan-kegiatan mereka dengan rapat secara berkumpul pula atau ber"gang" di mana mungkin didapati seseorang itu memegang tugas yang kecil sahaja jika dibandingkan dengan orang yang memegang senjatapi tetapi bagaimanapun ini adalah suatu unsur yang perlu untuk mencapai matlamat akhir sesuatu jenayah itu. Oleh yang demikian adalah patut supaya orang yang semacam itu yang bersama dengan orang yang bersenjata itu sebagai rakan sejawatnya (accomplice) dihukum juga dengan cara yang sama seperti orang yang menggunakan atau melepaskan tembakan dari senjatapi iaitu dengan hukuman bunuh ataupun jel seumur hidup. Oleh yang demikian Akta itu telah dipinda supaya rakan sejenayahnya didudukkan di tempat yang serupa seperti penjenayah utama.

Kerajaan berpendapat bahawa masaalah menggunakan senjatapi secara haram hendaklah diatasi pada puncanya. Orang-orang jahat hari ini yang menggunakan senjatapi bagi menjalankan keganasan terhadap orang-orang lain sebagai mata pencarian hidup mereka adalah orang-orang yang kejam, tidak mempunyai rasa belas kasihan dan pintar pula dan orang-orang ini tidak menghiraukan nyawa mereka sendiri dan apatah lagi orang lain. Untuk membolehkan orangramai hidup dalam aman dan damai tanpa perasaan takut maka perlulah bagi Kerajaan bertindak dengan lebih cekap, lebih keras dan lebih tegas jika tidak pentadbiran keadilan akan menjadi sia-sia dan diketawakan. Tidak dapat tidak ini bererti bahawa jika sekiranya pengguna-pengguna senjatapi hendak dihapuskan maka undang-undang hendaklah melarang orang-orang daripada memiliki senjatapi dalam apa keadaan juga tanpa kebenaran atau lesen dan sesiapa yang melanggar undang-undang itu hendaklah

dikenakan hukuman yang berat. Saya menarik perhatian di sini kalau kita ada lesen tidak salah, tetapi kalau kita ada lesen kita gunakan bagi penjenayah yang namanya ada di dalam senarai, dan kita tahu banyak Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada senjatapi, hukumannya seperti itu juga walaupun ia seorang Malaysian. Bagi maksud ini maka Akta itu telah dipinda untuk memberatkan lagi penalti berkenaan dengan membawa senjatapi tanpa lesen atau kebenaran di bawah Akta Senjatapi. Bermakna itu hukuman yang cukup berat pada mereka yang membawa senjatapi dengan tidak ada lesen. Kepada mana-mana orang yang ada lesen senjatapi hendaklah berjaga-jaga tentang menyimpannya. Kalau ada pula anak-anaknya kononnya kadang-kadang pinjam senjatapi bapanya dibawa berjalan akan kena hukuman ini. Penaltinya sekarang ialah penjara selama 14 tahun serta sebat mesti sebanyak tidak lebih daripada enam kali. Bermakna hukuman baru sesiapa didapati membawa senjatapi hukumannya tidak kurang daripada 6 kali sebat, lebih boleh, dan juga dihukum 14 tahun penjara.

Suatu kesalahan baharu telah diwujudkan supaya boleh dihukum penjara selama hayat bermakna sampai mati dalam jel dan dikenakan sebat 6 rotan kerana memiliki senjatapi semasa melakukan kesalahan yang dinyatakan dalam Jadual. Di sini suka saya menerangkan lagi sesiapa pula yang membawa senjatapi tidak berlesen atau berlesen, berjalan menggunakan senjatapi itu pada kesalahan yang dijadualkan itu tetapi bawa sahaja tidak digunakan, masa menjalankan itu, dia ada senjatapi, hukuman-hukumannya ialah penjara seumur hayatnya dan tidak kurang daripada 6 kali sebat. Begitu juga Rang Undang-undang ini telah memberatkan hukuman bagi kesalahan menunjukkan senjatapi semasa melakukan jenayah (masa ini cabut dan tunjuk) yang dinyatakan dalam Jadual itu daripada 20 tahun serta sebat menurut budibicara kepada penjara selama hayat serta sebatan sebanyak tidak kurang daripada 6 kali.

Dua jenis kesalahan yang baharu telah juga ditambah kepada Jadual Akta itu iaitu mencolek dan pecah-rumah kerana merompak, menjual perempuan atau lain-lain menceroboh-rumah yang mana adalah jenis kesalahan yang Kerajaan rasa patut dikenakan hukuman yang lebih berat mengikut dasar Akta itu.

Rang Undang-undang ini juga akan mengadakan suatu peruntukan baharu untuk memastikan bahawa orang-orang yang hendak mengelak diri daripada undang-undang ini hanya dengan mengiringi atau berkawan dengan orang-orang yang diketahuinya membawa senjatapi hendaklah juga dihukum dan dengan itu menyatakan dengan tegas dan nyata kepada orangramai bahawa orang-orang yang mengakui dirinya sebagai tak bersalah mestilah jangan mencampuri orang-orang yang diketahuinya membawa senjatapi. Hukuman dalam perkara ini adalah juga 14 tahun dan sebatan termesti sebanyak 6 kali. Bermakna kalau kita tahu orang itu ada senjatapi dengan tidak berlesen, janganlah berkawan dan bercampur dengannya. Kalau tahu, hukumannya sama juga.

Kerajaan adalah juga sedar akan perlunya mengatasi keadaan di mana senjatapi tiruan digunakan. Penggunaan senjatapi tiruan (toy pistol) untuk menjalankan keganasan terhadap orangramai supaya mereka bersalah adalah mendatangkan kesan yang sama seperti menggunakan senjatapi yang sebenar, dan patutlah dihukum dengan cara yang sama. Apa yang diperlukan ialah bukan semata-mata samada senjata itu boleh membunuh tetapi samada senjata itu boleh menyebabkan orang memikirkan sebagai suatu senjata yang boleh membunuh. Oleh demikian telah diperuntukkan di sini bahawa sesiapa jua yang menggunakan senjatapi tiruan atau toy pistol atau imitation pistol semasa melakukan suatu kesalahan itu yang tersebut dalam Jadual ini untuk menakutkan orang boleh dikenakan penjara iaitu selama 10 tahun serta disebat tidak kurang daripada 3 rotan. Bagaimanapun Kerajaan belum lagi memikirkan patut pada peringkat ini dikenakan penalti yang sama seperti penalti menggunakan senjatapi yang benar.

Berniaga senjatapi akan juga dikenakan hukuman bunuh atau hukum penjara selama hayat serta sebatan termesti tidak kurang daripada 6 kali. Ini bererti bahawa membuat, mengimpot, menjual, membaiki atau meminjamkan senjatapi tanpa lesen, meminjam senjatapi kepada orang yang tiada lesen atau tiada kebenaran di bawah Undang-undang Senjatapi atau dalam Peraturan-peraturan maka adalah satu kesalahan dilarang mutlak.

Kita rasa jika perbuatan menggunakan senjatapi secara haram hendaklah dihentikan maka semua jenis punca haram mengenai

persediaan mestilah terlebih dahulu dihapuskan. Dengan timbulnya semula pemberhakaan komunis perbuatan memperdagangkan senjata adalah mendatangkan suatu bahaya yang lebih besar pula kepada masyarakat kita maka oleh sebab itu senjata itu mungkin jatuh ke tangan musuh kita atau kepada komunis yang jahat masa ini. Oleh yang demikian mustahaklah bagi Kerajaan mengadakan undang-undang yang menyatakan bahawa tidak boleh dalam apa-apa keadaan pun senjata dilepaskan dari satu tangan ke satu tangan yang lain kecuali dengan lesen atau dengan kebenaran yang sewajarnya yang diberi di bawah Akta Senjata.

Peruntukan pindaan dalam Rang Undang-undang mungkin didapati sangat keras sangat berat tetapi memadam kepada keadaan yang didapati sekarang maka saya percaya bahawa inilah hanya sahaja satu caranya untuk kita menentang unsur-unsur jenayah dalam masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah disiarkan dalam akhbar dan didapati dari orang ramai yang saya tahu, saya dengar daripada orang ramai dan kenyataan-kenyataan di akhbar mendapat sokongan kuat daripada rakyat. Belum lagi saya dengar ada bantahan melainkan menerima pindaan yang dicadangkan oleh Kerajaan. Saya harap juga Dewan ini akan menerima pindaan ini, sungguhpun saya katakan tadi sangat berat hukumannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Lee San Choon: Saya mohon menyokong.

6.25 p.m.

Datuk Tajudin bin Ali (Larut Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Senjata (Penalti Lebih Berat) Tahun 1971.

Tiga tahun dahulu kita fikirkan ini satu undang-undang sudah lengkap dan cukup untuk menentang orang-orang yang membawa senjata itu, tetapi 3 tahun kemudian kita dapati adalah undang-undang itu jauh daripada memuaskan. Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Peguam Negara kerana sudah memberi penerangan-penerangan yang sangat jelas dan sangat menarik hati saya di atas perkara yang sangat merbahaya kepada negara kita ini.

Saya ingat dalam penerangan Yang Berhormat Peguam Negara tadi suasana dalam negara kita seolah-olah macam cerita wayang gambar, ceritanya masih kita teringat-ingat iaitu "Have Gun, Will Travel". Nampaknya ada tempat-tempat dalam negara kita ini yang senjata senang sahaja didapati. Kalau kita pergi ke pasar kita dapat cerita mengatakan senjata boleh dibeli dengan senang dengan harga \$400-\$500 sahaja.

Saya juga memberi setinggi-tinggi tahniah kepada Pasukan Kawalan kita, khasnya kepada pihak Polis, kerana berkerja begitu keras, mengesan senjata-senjata yang haram ini, lagi kuat mereka bekerja, lagi banyak kita mendengar senjata itu bertaburan dalam tanah air kita. Sayugia diingat masa penjajah dahulu perkara seperti itu jarang-jarang timbul, tetapi kalau kita tengok dalam talivisyen dan akhbar harian boleh dikatakan kejadian jenayah menyamun, merompak dengan memakai senjata mesti ada. Saya meminta kebenaran membacakan potongan akhbar *Utusan Malaysia*. 2hb Mei, 1974, berbunyi:

"4 Pemuda Rompak Pemandu Teksi"

"*Taiping, 1hb Mei:* 4 orang pemuda, 2 daripadanya bersenjatakan pistol dan mengetuk kepala seorang pemandu teksi sebelum merampas wang tunai sebanyak \$24 kepunyaan pemandu teksi tersebut yang kemudiannya melarikan teksi yang terlibat di sini malam tadi."

Adalah jelas kepada kita sekalian bahawa wang sebanyak \$24, pun sudah mula dirompak. Benar sangatlah perkara ini sudah berlaku berleluasa, dan Yang Berhormat Peguam Negara tadi telahpun menyatakan kepada Dewan yang bertuah ini, kadang-kadang kita tengok dan fikirkan perangai mereka ini seolah-olah mereka itu hendak jadikan negara kita ini seperti negara cowboy sahaja. Dengan adanya satu Rang Undang-undang yang begitu kuat dan lengkap, saya harap akan menggentarkan dan menakutkan orang-orang yang hendak mendatangkan jenayah ini.

Tuan Yang di-Pertua, barangkali Kerajaan sendiri pun silap sedikit, kerana di rumah orang-orang kita dalam sebuah rumah ada memiliki lebih daripada satu senjata. Sudah menjadi kebiasaan kepada orang kita Malaysia ini hendak berlumba-lumba,

hendak menunjuk-nunjuk iaitu aku ada lebih daripada satu senjata. Itu telah menjadi satu kebesaran. Saya harap Kerajaan akan memikirkan perkara ini sekali lagi dengan secepat mungkin, kalau dapat mereka itu berfikir lebih baiklah kepada negara kita ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh sambung esok. Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.